

OBOR BELIA

BUKU 25

MENJAWAB Isu-Isu SUKAR



Penerbitan Kristian

OBOR BELIA

Penulis (Bahasa Inggeris): Goh Kim Guat

Kim Guat aktif dalam pelayanan belia dan kanak-kanak. Dia telah memperoleh B.A. (Hons) di Bryn Mawr College, U.S.A. dan M.Ed. di Harvard Graduate School of Education.

Penterjemah: Jacqueline Jose

Jacqueline adalah seorang Rungus dari Kudat yang menetap di Lahad Datu, Sabah. Merupakan pelajar ijazah perubatan di Monash University kampus Sunway, Jacqueline mula terlibat dalam penterjemahan melalui projek "101 Cerita-cerita dari Alkitab" terbitan Wawasan Penabur.

Penyunting: Randy Singkee

Randy banyak terlibat dalam penulisan dan penterjemahan sejak tahun 1993. Dia memperoleh B.A. (Hons) dari Universiti Malaya dan M.Sc. dalam bidang Geographical Information Systems (GIS) dari University of Edinburgh, UK.

Cetakan Pertama: March 2011

Penerbit : Wawasan Penabur Sdn. Bhd.
wawasan.penabur@gmail.com
Kulit Buku : Randy Singkee
Artis Ilustrasi : Eugene Tan & Yee Weng Chiang

Petikan Alkitab diambil dari

Alkitab Berita Baik © 1996, Bible Society of Malaysia
Alkitab Terjemahan Baru © 1974, Lembaga Alkitab Indonesia

Hakcipta © 2011 Wawasan Penabur Sdn. Bhd.

Hak Cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

Isi Kandungan

- 1 Sebelum Anda Bermula
- 4 Mukadimah: Menjawab Isu-Isu Sukar

Lembar Kerja

- 6 Sesi 1: Seks: Semua Orang Pun Melakukannya
- 10 Sesi 2: XXX: Apa Salah, Kan Hanya Melihat?
- 16 Sesi 3: Homoseksualiti: Gaya Hidup Alternatif?
- 20 Sesi 4: Percabulan: Gangguan Seksual
- 24 Sesi 5: AIDS: Amaran Untuk Semua
- 28 Sesi 6: Bunuh Diri: Penamat Jalan?
- 34 Sesi 7: Jantina: Hanya Lelaki & Perempuan Saja?

Panduan Pembimbing

- 41 Sesi 1
- 47 Sesi 2
- 54 Sesi 3
- 61 Sesi 4
- 69 Sesi 5
- 78 Sesi 6
- 86 Sesi 7

Sebelum Anda Bermula...

Memperkenalkan **OBOR BELIA**

OBOR BELIA dituliskan sebab:

- Para belia dan muda-mudi masih mencari program yang lebih berkesan dan yang dapat memenuhi keperluan mereka.
- Para belia dan muda-mudi masih kekurangan pembelajaran sistematik yang dapat meletakkan dasar iman teguh di tengah-tengah tekanan kehidupan moden ini.
- Kebanyakan buku pemuridan tidak dituliskan menurut konteks dan masalah-masalah yang dihadapi oleh belia dan muda-mudi yang hidup sebagai umat Tuhan di negara ini.

OBOR BELIA merupakan kurikulum yang memuat kaedah-kaedah kreatif dan praktikal agar Injil dapat disampaikan sesuai dengan keperluan para belia dan muda-mudi zaman sekarang. Kurikulum ini diolah untuk generasi muda Tubuh Kristus supaya mereka mengenal iman mereka secara mendalam dan hidup setia sebagai umat Tuhan di negara ini. Kurikulum ini akan memberi anda peluang untuk berbincang, bertukaran pendapat, berdoa bersama, belajar daripada satu sama lain, dan berseronok bersama. Setelah mempelajari kurikulum ini, anda akan mengetahui bahawa menjadi seorang Kristian memang relevan, mencabar, teruja dan anda akan menemui apa yang anda kehendaki untuk kehidupan anda.

Cara Menggunakan **OBOR BELIA**

OBOR BELIA dicorakkan untuk pertemuan mingguan yang boleh digunakan di persekutuan di sekolah, rumah atau gereja. Anda juga boleh mengubahsuainya untuk kelompok kecil anda.

Siri buku ini mempunyai dua bahagian besar: Lembar Kerja dan Panduan Pembimbing yang memberi panduan dan aktiviti-aktiviti kreatif untuk topik-topik buku ini.

Panduan Pelajar terdiri daripada Kata-Kata Mutiara, Ayat Mas Alkitab, Aktiviti Bersama, Renungan Firman Tuhan, Renungan Peribadi dan Doa. Panduan Pembimbing pula mempunyai tiga aspek tambahan iaitu Objektif-Objektif Sesi, Aktiviti Pencetus Minat, Jawapan Firman

Tuhan serta kaedah ajaran yang boleh digunakan.

Pembimbing atau pemimpin kelompok harus membaca Lembar Kerja dan Panduan Pembimbing untuk memahami seluruh pelajaran ini dan cara menyelenggarakannya.

Dalam Siri Buku **OBOR BELIA** ini, anda akan menemui yang berikut:



Ayat Mas Alkitab

Ayat ini merupakan ayat yang penting dan perlu direnungi bersama kelompok anda.



Kata-Kata Mutiara

Baca bersama ahli-ahli kumpulan anda dan jelaskannya secara singkat.



Aktiviti Bersama

Bahagian ini memperkenalkan tema utama sesi ini dengan menggunakan pelbagai permainan, lakonan, kertas kerja atau cara yang menarik untuk mencetus minat para peserta.



Renungan Firman Tuhan

Bahagian di mana Firman Tuhan akan dibentang dan dibincangkan. Pelbagai aktiviti dirancang agar mereka dapat melibatkan diri dalam Firman Tuhan.



Renungan Peribadi

Bahagian ini menggabungkan cara-cara kreatif dan praktikal untuk menggalakkan mereka merenungi pelajaran hari itu serta menerapkan kebenaran yang telah dipelajari untuk kehidupan mereka, dan bukan sekadar mengetahuinya sahaja.



Doa

Pembimbing dan peserta digalakkan menutup setiap sesi dengan doa.

Untuk Pemimpin/Pembimbing

Panduan untuk memimpin dan membimbing sesi disediakan di bahagian akhir buku ini. Anda akan dibekalkan dengan nota-nota tambahan untuk setiap bahagian dalam sesi di Lembar Kerja.



Objektif-Objektif Sesi

Bahagian ini menjelaskan dengan terperinci objektif-objektif sesi. Pembimbing mesti membaca objektif-objektif ini sebelum memulakan pelajaran.



Pencetus Minat

Mencadangkan beberapa teknik pemanasan dan pencetus minat para pelajar dengan menggunakan permainan, lakonan, dan sebagainya.



Aktiviti Tambahan

Aktiviti atau pelajaran tambahan yang diolah untuk memperkuatkan lagi pengajaran Alkitab atau satu pernyataan.

Beberapa Panduan Berguna

*** Baca**

Baca bahagian Lembar Kerja dan Panduan Pembimbing jika anda sedang membimbing satu kelompok supaya anda boleh berfikir dan menyiapkan diri dengan mantap.

*** Doa**

Berdoa agar Tuhan memberi anda kebijaksanaan sewaktu mengendalikan topik dalam perbincangan. Jangan lupa berdoa agar Tuhan menyentuh dan mengubah kehidupan ahli-ahli kumpulan anda.

*** Persiapan**

Bahagian Renungan Firman Tuhan memerlukan paling banyak bimbingan dan ajaran daripada anda. Renungkan contoh-contoh yang dapat menolong anda menjelaskan ajaran anda dalam bahagian lain.

*** Santai & Ketawa**

Jangan terlalu serius dan kalau boleh berjenakalah sekali-sekala. Biar proses pembelajaran itu lebih berinteraksi, partisipasi dan santai.

Buku 25: Menjawab Isu-Isu Sukar

Mukadimah

SEKS bukanlah sesuatu yang berani dibicarakan secara terbuka di dalam gereja. Jadi kita selalu mendapatkan maklumat tentangnya daripada sumber-sumber yang salah. Pernahkah anda melihat dengan teliti filem-filem yang menghiburkan kita pada masa sekarang? Ia tidak menunjukkan apa-apa perbezaan sama ada ia datang dari Hollywood di Amerika, Bollywood ataupun Hong Kong dan Taiwan. Semuanya menunjukkan jenis nilai yang sama di mana perbuatan-perbuatan moral seksual selalu sahaja menjadi tema yang diketengahkan.

Belia Kristian dikhuatiri juga menerap semua nilai ini kerana sudah menganggap ianya sesuatu yang diterima oleh masyarakat. Melakukan seks sebelum berkahwin atau di luar hubungan perkahwinan, bertukar-tukar pasangan dengan meniduri teman wanita atau teman lelaki seseorang, menjalani kehidupan sebagai pasangan (tanpa mengira jantina), dan sebagainya. Siri TV yang popular seperti Glee juga mempamerkan kehidupan seks remaja dan sejenis yang longgar! Tidak cukup di TV dan filem, buku-buku dan majalah juga mengagungkan cara hidup orang kaya dan terkenal dengan tema seks bebas dan rambang.

Jadi bagaimana kita harus mendidik anak-anak muda Kristian di zaman teknologi yang mencabar sekarang? Hanya ada satu jawapan... sekiranya kita mahu mereka bertahan dan bertumbuh dengan tidak mengalami apa-apa pencemaran pengaruh seksual yang tidak bermoral yang begitu berleluasa di sekitar mereka, kita perlu mempersiapkan mereka sebagai umat Tuhan yang suci mulai sekarang. Mereka perlu tahu ukuran Allah dalam seluruh aspek moral seksual dan menjadikan Alkitab sebagai kayu ukuran untuk menjalani serta memimpin kehidupan mereka.

Buku terakhir dalam siri OBOR Belia ini cuba mengetengahkan isu-isu sosial yang sukar dan selalu dielakkan oleh gereja. Buku ini bertujuan untuk membantu para belia Kristian memahami tujuan TUHAN Allah menciptakan lelaki dan perempuan, dan di manakah Dia menempatkan seks dalam hubungan yang dipersetujui-Nya.

Sesi 1-3 akan membicarakan tentang seks, pornografi dan budaya homoseksual. Sementara sesi 4-7 akan melihat beberapa penyimpangan gaya hidup dan bagaimana kita sebagai umat Tuhan harus meresponnya. Ini termasuklah percabulan dan rogol, sumbang muhrim dan homoseksualiti, fenomena bunuh diri yang meleluasa sekarang, serta penerangan tentang AIDS.

Anak-anak muda kita harus didedahkan dan dicabar untuk memikirkan sendiri isu seperti ini. Mereka mungkin tidak menghadapi masalah ini secara peribadi, tetapi sekurang-kurangnya ia akan membantu mereka untuk lebih berjaga-jaga dan lebih bersedia dalam memberikan respon apabila mereka berdepan dengan orang-orang yang terperangkap dalam situasi seperti itu.

Semoga buku ini akan mencabar para belia Kristian untuk menjadi lebih mengambil berat tentang apa yang sedang berlaku dalam masyarakat pada hari ini. Dan semoga ia membantu untuk membentuk jiwa besar yang mempunyai perasaan belas kasihan untuk individu-individu yang terlibat, tidak kira sama ada mereka adalah mangsa atau tidak. Semoga mereka juga akan tahu kebebasan yang datang daripada mengenali-Nya dan menjadi patuh untuk menjalani kehidupan yang suci, kudus dan menyenangkan untuk-Nya.

“Ia sendiri telah memikul dosa kita di dalam tubuh-Nya di kayu salib, supaya kita, yang telah mati terhadap dosa, hidup untuk kebenaran. Oleh bilur-bilur-Nya kamu telah sembuh.” (1 PeTt 2:24)



Seks: Semua Orang Pun Melakukannya





Ayat Mas Alkitab

"Yesus menjawab, 'Belum pernahkah kamu baca ayat Alkitab yang mengatakan bahawa pada mulanya Allah menjadikan orang lelaki dan perempuan? Kemudian Allah berfirman, 'Itulah sebabnya seorang lelaki meninggalkan ibu bapanya dan bersatu denan isterinya, lalu keduanya menjadi satu.' Dengan demikian mereka bukan lagi dua orang, tetapi satu. Oleh itu mereka yang telah disatukan oleh Allah, tidak boleh dipisahkan oleh manusia.' (Matius 19:4-6)"



Kata-kata Mutiara

Sikap yang menganggap seks sebagai perkara biasa dalam masyarakat pada hari ini benar-benar bertentangan dengan tujuan asal Allah yang menjadikannya bagi perhubungan perkahwinan.



Aktiviti Bersama

Banyak Kekecohan Tentang Seks?



Dalam kumpulan 4-5 orang, bincangkan:

SEX – Adakah perkataan ini membangkitkan rasa ingin tahu anda? Jika jawapan anda adalah Tidak, anda mungkin satu sepsis makhluk asing yang baru! Lihat senarai di bawah, dan tuliskan urutan dari 1 (paling berpengaruh) kepada 14 (paling tidak berpengaruh) untuk menentukan sumber maklumat tentang seks yang ada terima.

Ibu bapa

Kumpulan Belia/Remaja

Filem

Internet

Adik-beradik

Guru-guru

Musik

Teman-teman

Alkitab

Iklan

Gereja/Pastor

Buku/Majalah

TV

Tempat Kerja

1. _____

2. _____

3. _____

4. _____

- | | |
|-----------|-----------|
| 5. _____ | 6. _____ |
| 7. _____ | 8. _____ |
| 9. _____ | 10. _____ |
| 11. _____ | 12. _____ |
| 13. _____ | 14. _____ |



Renungan Firman Tuhan

Jika anda ingin memahami apa itu seks, anda harus kembali kepada sumbernya – Alkitab! Sumber-sumber yang lain adalah sekunder.

1. Bagaimana ianya bermula? (semak Kejadian 2:18)
2. Untuk siapakah TUHAN menciptakannya? (Matius 19:4-5)
3. Apakah tujuan sebenar seks? (Matius 19:6)
4. Apa ajaran Yesus tentang orang yang menceraikan isteri dan berkahwin dengan perempuan lain? (Matius 19:8-9)
5. Allah berfirman untuk suami isteri menjaga kesucian perkahwinan. Siapa lagi yang boleh terlibat dan bagaimana ianya boleh terlibat? (Ibrani 13:4)
6. Mengapakah seks rambang itu salah di mata Tuhan? (1 Korintus 6:16)
7. Kenapakah kesucian diri itu harus diutamakan? (1 Korintus 6:17-20)



Renungan Peribadi

Dalam kumpulan 4-5 orang, bincangkan apa yang anda biasa dengar tentang alasan/pujukan orang muda untuk mengadakan seks sebelum berkahwin. Fikirkan bagaimana anda akan memberi respon terhadap alasan/bujukan itu:

Sebab/Alasan untuk mengadakan seks	Jawapan untuk menolak

Santapan Minda

“Ada banyak sumber anda boleh mendapatkan maklumat tentang seks. Tetapi sebagai anak Tuhan, anda perlu mendapat sumber informasi anda langsung daripada Sumber itu sendiri – TUHAN. Kalau tidak, siapa yang akan menentukan siapa/apa yang benar dan siapa/apa yang salah?”

~ Goh Kim Guat



Doa

Berdoalah agar Allah akan memberikan anda kebijaksanaan dan keberanian untuk apa yang anda percaya walaupun terdapat tekanan daripada rakan-rakan anda atau daripada apa yang anda lihat dalam masyarakat pada hari ini. Minta perlindungan dan jagaan Tuhan supaya anda akan bertumbuh dalam keyakinan untuk berdiri teguh tanpa menghiraukan godaan dan tekanan di sekeliling anda.



**XXX:
Apa Salah, Kan Hanya Melihat?**





Ayat Mas Alkitab

“Sahabat-sahabatku, kamu seperti orang asing dan orang pelarian di dunia ini! Oleh itu, aku menggesa kamu supaya tidak menuruti hawa nafsu manusia, yang sentiasa berlawanan dengan jiwa.” (1 Petrus 2:11)



Kata-kata Mutiara

Melihat pornografi akan menyebabkan kita mempunyai pemikiran yang tidak bersih dan ini akan membangkitkan keinginan yang akan menggoda kita untuk melakukan dosa seksual.



Aktiviti Bersama

Dedahkan Mereka Semua!

Dalam kumpulan 4-5 orang, baca suratkhbar dan majalah-majalah yang telah diberikan oleh pembimbing anda untuk mengetahui bagaimana seks dipergunakan dalam media untuk mempengaruhi orang ramai. Tumpukan kepada 4 bahagian di bawah ini dan tuliskan apa yang anda dapati:

Muzik: Senarai nama-nama lagu yang mempunyai lirik tentang seks di dalamnya.

Rancangan TV: Namakan rancangan-rancangan di TV yang mempunyai adegan seks atau yang menggambarkan seks di luar perkahwinan sebagai cara hidup yang diterima.

Filem: Namakan filem-filem yang mempunyai adegan seks atau yang menggambarkan seks di luar perkahwinan sebagai cara hidup yang diterima.

Iklan: Namakan sebanyak iklan yang boleh – di TV, surat khabar, majalah, dan sebagainya – yang menggunakan seks atau kiasan seksual, contohnya menggunakan wanita-wanita seksi untuk mengiklankan kereta, dan sebagainya.



Renungan Firman Tuhan

1. Adakah ia memudaratkan kalau kita hanya melihat bahan-bahan pornografi? (Amsal 27:20)
2. Apa yang biasanya anda lakukan selepas melihat sesuatu yang menarik atau mempersonakan? Tandakan jawapan anda.
 - ☐ Terus memikirkannya
 - ☐ Lupakannya setelah beberapa waktu
 - ☐ Tergoda untuk memilikinya
 - ☐ Merinduinya
 - ☐ Lain-lain _____



3. Apa yang berlaku kepada Achan apabila dia melihat sesuatu yang

menarik perhatiannya? (Yosua 7:20-21)

4. Baca 2 Samuel 11:2-5. Tuliskan apa yang terjadi kepada Daud?
5. Apa yang terlintas di fikiran anda apabila anda membaca atau melihat sesuatu yang sangat memberangsangkan (samada di filem, internet, atau gambar)? Jujurlah!
6. Baca Efesus 5:3-5. Apa yang Paulus katakan di ayat 3?
7. Baca Yakobus 1:13-15. Apa yang dikatakan oleh Yakobus tentang keinginan?
 - ☐ Keinginan akan mengoda anda untuk berdosa
 - ☐ Keinginan tidak berbahaya kecuali jika anda melakukan sesuatu tentangnya
 - ☐ Keinginan hanya tinggal di dalam fikiran
 - ☐ Lain-Lain _____
8. Baca 1 Petrus 2:9-12. Apa yang harus kita lakukan sebagai umat pilihan Allah?



Renungan Peribadi

Dalam kumpulan jenis kelamin yang sama yang terdiri daripada 4-5 orang, bincangkan:



Bagaimana atau di manakah anda terdedah kepada bahan-bahan atau rancangan-rancangan pornografi





- ✌ Apa yang boleh anda lakukan apabila menghadapi bahan-bahan atau rancangan-rancangan seperti itu?

- 📖 Baca Matius 5:27-30. Apa yang Yesus katakan di sini adalah kita perlu menangani dosa-dosa kita dengan segera. Jika kita tahu bahawa melihat bahan-bahan lucu akan menyebabkan kita berdosa, kita harus mengambil tindakan segera untuk menghapuskannya daripada kehidupan kita.
- 💻 Ambil masa beberapa minit untuk fikirkan: adakah anda layari internet untuk bahan berunsur pornografik? Terdedah kepada rancangan TV dan filem yang mengandungi dedahan adegan seks, atau membaca bahan yang merangsang secara seksual? Bagaimana lagu yang anda dengari, rancangan dan video muzik yang anda tonton, majalah/DVD yang anda beli?
- ⌚ Fikirkan masak-masak “Ikrar Kesucian Diri Saya” di bawah ini sebelum anda menandatangani.

Ikrar Kesucian Diri Saya

Saya tahu Tuhan menghendaki kehidupan saya suci dan kudus di hadapan-Nya kerana Dia sangat mengasihi saya dan tinggal di dalam saya. Maka saya berikrar untuk memastikan kehidupan saya suci dan akan cuba sebaik mungkin untuk menjauhi apa saja bentuk dosa seksual.

Untuk menjaga kesucian hidup dan diri saya, saya berikrar untuk tidak _____

Saya serahkan fikiran, hati, kehidupan dan tubuh saya kepada Tuhan, untuk menjadi satu bejana yang kudus demi-Nya.

Tandatangan _____ Tarikh _____

Santapan Minda

“Melihat sahaja bukanlah sesuatu yang tidak berbahaya seperti yang anda fikirkan. Alkitab mengatakan bahawa mata tidak pernah akan puas. Satu pandangan akan membawa kita kepada satu pemikiran... diikuti dengan satu keinginan... dan tanpa anda sedari, anda telah tergoda untuk melakukan sesuatu bagi memuaskan keinginan anda.”

~ Goh Kim Guat



Doa

Berdoalah agar Tuhan akan menyenangkan apa yang telah anda ikrarkan pada hari ini. Minta bantuan Roh Kudus untuk melindungi diri anda daripada dedahan bahan-bahan pronografi supaya fikiran, hati, kehidupan dan tubuh anda disucikan untuk menjdi bait suci Roh Allah yang mendiami di dalamnya.



Homoseksualiti: Gaya Hidup Alternatif?





Ayat Mas Alkitab

“Janganlah engkau tidur dengan laki-laki secara orang bersetubuh dengan perempuan, karena itu suatu kekejian.” (Imamat 18:22)



Kata-kata Mutiara

TUHAN mahu hubungan seksual wujud hanya di antara lelaki dan perempuan dan hanya dalam konteks perhubungan perkahwinan.



Aktiviti Bersama

Mari Lakukan Sedikit Pendefinisian

Dalam kumpulan 3-4 orang, bincangkan apa yang dimaksudkan dengan *homoseksual*, *heteroseksual* dan *biseksual*. Bagaimanakah anda mendefinisikan ketiga-tiga kumpulan seksualiti ini?

Homoseksual	
Heteroseksual	
Biseksual	



Renungan Firman Tuhan

Menurut Tuhan perhubungan seksual hanya dibenarkan wujud dalam satu perhubungan perkahwinan, dan hanya di antara seorang lelaki dan seorang perempuan.

1. Ayat-ayat Alkitab di bawah adalah tentang beberapa contoh perhubungan seksual. Semak siapa yang terlibat (lelaki/perempuan) dan apa pandangan Alkitab tentangnya:

Ayat	Siapa Yang Terlibat	Bagaimana Allah menerangkan perhubungan seperti itu?
Roma 1:26-27		
Kejadian 19:4-7		
Imamat 18:22		
Imamat 20:13		

2. Tuhan tidak menolak orang yang berdosa, tetapi mengutuk perbuatan dosa mereka. Bagaimanakah Yesus memberi respon kepada orang berdosa yang selalu dielakkan oleh masyarakat? (Lukas 5:27-32)
3. Bagaimanakah itu diaplikasikan kepada kehidupan kita sebagai umat Tuhan?



Renungan Peribadi

Lembar dari Memo Pad Tuhan

Bayangkan Tuhan menghantar anda sekeping memo (nota peringatan kecil) untuk mengingatkan apa yang telah anda belajar hari ini mengenai pandangan-Nya terhadap perhubungan seks yang benar. Tuliskan satu ringkasan apa yang anda telah pelajari.





Santapan Minda

“Apa yang Paulus katakan tentang homoseksualiti? Jawapan: Mereka yang mengaku sebagai pengikut Kristus harus mengelakkan amalan sesama jenis untuk tujuan mencapai orgasme, sama seperti yang dicapai dalam satu hubungan heteroseksual. Pernyataan Paulus, ‘lelaki yang amalan homoseksualiti’ merangkumi dua kata Yunani bagi pihak-pihak yang terlibat dalam perbuatan ini. Yang pertama adalah *arsenokoitai*, yang secara harfiah bererti ‘pelacur lelaki’. Yang kedua adalah *malakoi*, yang digunakan untuk mereka yang ‘kurang kejantanannya’, ‘seperti perempuan’ dan ‘pondan’. Di sini ia merujuk kepada lelaki yang mengambil peranan sebagai perempuan dalam satu perhubungan seks sejenis.”

~ J. I. Pecker



Doa

Berdoalah agar anda akan belajar untuk berpegang pada kebenaran dalam Firman Allah dan tidak terpengaruh dengan pemikiran dan gaya hidup yang bertentangan dengan ajaran Alkitab. Berdoa untuk diri anda agar anda akan terus bertekun dalam mencari apa yang benar dan betul serta memastikan kehidupan anda suci dan kudus di hadapan Tuhan.

Percabulan: Gangguan Seksual





Ayat Mas Alkitab

“Tetapi lain halnya jika di kawasan luar kota, seorang lelaki merogol seorang gadis yang sudah bertunang dengan orang lain. Dalam hal itu hanya lelaki itu yang harus dihukum mati. Gadis itu tidak boleh dihukum, kerana dia tidak melakukan sesuatu yang menyebabkan dia dihukum mati. Hal ini sama dengan perkara seorang yang menyerang orang lain dan membunuhnya.”
(Ulangan 22:25-26)



Kata-kata Mutiara

Gangguan seksual lebih lazim berlaku di kalangan perempuan daripada lelaki. Selalunya orang yang melakukan pencabulan itu ialah orang yang dikenali oleh si mangsa.



Aktiviti Bersama

Dalam kumpulan 4-5 orang, bincangkan apa yang anda faham tentang perkataan berikut:

Penderaan Seksual	
Gangguan Seksual	
Rogol	
Sumbang Muhrim (Inses)	



Renungan Firman Tuhan

Pencabulan dan kes memperkosa bukanlah sesuatu yang mudah untuk

dibincangkan. Kebanyakan orang Kristian juga tidak mahu memperkatakannya, apa lagi dibicarakan dari mimbar gereja. Tetapi ini adalah satu masalah sosial yang sering kita temui.

1. Berlainan dengan agama Islam yang menghukum perempuan dalam satu kes rogol (di mana mangsa harus menampilkan 4 orang saksi mata), Perjanjian Lama sebenarnya melindungi mangsa perempuan. Apa hukuman bagi merogol seorang perempuan yang telah bertunang? (Ulangan 22:25)
2. Bagaimanakah Perjanjian Lama menyamakan kesalahan merogol seorang perempuan? (Ulangan 22:26)
3. Apa hukuman bagi orang yang berzina, iaitu yang melibatkan seks di luar hubungan perkahwinan? (Ulangan 22:22)
4. Apa yang diperintahkan TUHAN untuk si perogol dan mangsanya yang belum bertunang? (Ulangan 22:28-29)
5. Sumbang muhrim adalah dosa yang sangat menjijikkan bagi TUHAN (Imamat 18:7-16). Apakah hukuman bagi sumbang muhrim? (Imamat 20:11-12)
6. Apa itu mesum dan apa hukuman kepada jenayah seks tersebut? (Imamat 20:14)

7. Masalah apa yang dihadapi oleh gereja Korintus? (1 Korintus 5:1)
8. Apa nasihat Paulus tentang hal ini? (1 Korintus 5:5)



Renungan Peribadi

Simak surat khabar minggu lepas atau minggu ini dan cari laporan berita tentang kes-kes gangguan seksual (rogol, sumbang muhrim dan sebagainya) yang terjadi di negara kita. Seringkali kita hanya membaca berita tersebut tanpa merasa apa-apa kerana kita menganggap kejadian itu sangat jauh daripada kita. Tetapi berdasarkan apa yang anda pelajari hari ini, mangsa-mangsa sebenarnya mengalami banyak kecederaan dari segi mental, emosional, fizikal maupun rohani!

Baca laporan tersebut dan tuliskan nama-nama serta kejadian tersebut. Kemudian berdoalah untuk semua individu yang terlibat. Berdoalah supaya mangsa-mangsa akan disembuhkan oleh Allah dalam menghadapi kesakitan dan trauma daripada pengalaman tersebut. Kita tidak boleh berbuat apa-apa, tetapi Tuhan kita mampu melakukan penyembuhan dan pemulihan hidup!

Santapan Minda


“Pencabulan seksual adalah satu senjata yang membinasakan.”
~ Samuel Griswold Goodrich (1793 - 1860)



Doa

Ingat akan mangsa-mangsa gangguan seksual dan percabulan. Berdoalah agar Tuhan mencurahkan kasih dan belas kasihan-Nya ke atas mereka dan membantu mereka untuk pulih tanpa mengalami kesan selepas kejadian yang serius. Berdoa juga untuk diri anda sendiri agar Dia akan melihat dan melindungi anda daripada kejadian-kejadian yang tidak diingini. Berdoa juga agar anda akan belajar untuk mempunyai jiwa yang berbelas kasihan terhadap mereka yang menderita disebabkan pengalaman seperti itu.

AIDS: Amaran Untuk Semua





Ayat Mas Alkitab

"Aku yakin bahawa tiada sesuatupun dapat menghalang Kristus mengasihi kita: baik kematian mahupun kehidupan, baik malaikat mahupun penguasa lain di angkasa, baik hal-hal yang berlaku sekarang mahupun pada masa yang akan datang; baik hal-hal yang di langit mahupun yang di bumi – tidak ada sesuatupun di alam semesta yang dapat menghalang Allah mengasihi kita, seperti yang sudah ditunjukkan-Nya melalui Kristus Yesus, Tuhan kita!"

(Roma 8:38-39)



Kata-kata Mutiara

Sebagai orang Kristian, kita tidak seharusnya prejudis terhadap mereka yang menghadapi AIDS tetapi kita harus mengasihi dan menerima mereka seperti mana Allah mengasihi dan menerima mereka.



Aktiviti Bersama

Dalam kumpulan 4-5 orang, bincangkan apa yang anda tahu tentang AIDS.



Renungan Firman Tuhan

Kita semua merasa gerun dengan AIDS kerana ia dianggap sebagai penyakit yang tidak ada ubat penawar. Kesalahan persepsi kita terhadap penyakit itu sering membuat kita tidak mahu berdekatan dengan pesakit-pesakit AIDS, walaupun kebanyakan mereka yang

terjangkit adalah golongan tidak berdosa.

1. Penyakit apakah yang digeruni semasa Perjanjian Lama dan zaman Yesus? (Ulangan 24:8a)
2. Menurut anda, kenapa mereka takut akan penyakit kulit tersebut?
3. Bagaimanakah mereka menanggapi pesakit kusta? (Imamat 13:45-46)
4. Bagaimana Yesus menanggapi pesakit kusta? (Markus 1:40-42)
5. Yesus juga melakukan lebih daripada menjamah pesakit kusta. Apa lagi yang dia lakukan kepada pesakit kusta? (Markus 14:3a)
6. Yesus lakukan semua itu kerana belas kasihan dan kasih-Nya. Apa yang dikatakan oleh Paulus tentang kasih Tuhan? (Roma 8:35-39)
7. Tuhan benci akan dosa tetapi Dia tidak menolak orang yang berdosa. Apa yang anda boleh pelajari daripada Yesus di Yohanes 8:1-11?
8. Bagaimanakah anda seharusnya memberi respon kepada mereka yang menghidap AIDS?



Renungan Peribadi

Projek Kesedaran AIDS

1. Fikirkan bagaimana anda dan rakan-rakan anda boleh membantu meningkatkan kesedaran dan mendidik semula orang lain tentang AIDS. Ini termasuklah bagaimana orang harus memberikan respon terhadap pesakit AIDS.
2. Anda boleh melakukan lebih banyak penyelidikan di Internet sebelum anda memulakan projek ini - daripada menghasilkan pamflet kecil mengenai AIDS yang akan diedarkan kepada jemaat gereja atau rakan-rakan di sekolah, mengadakan kempen poster, dan sebagainya.
3. Pastikan anda membincangkan tempoh yang anda perlukan untuk menjayakan projek tersebut.

Santapan Minda

“Di kebanyakan negara dan masyarakat, stigma yang berkaitan dengan HIV dan diskriminasi yang dihasilkan dapat menghancurkan sama seperti penyakit itu sendiri: ditinggalkan oleh pasangan dan/atau keluarga, disisikan secara sosial, kehilangan pekerjaan dan harta benda, pemberhentian dari sekolah, penolakan hak perkhidmatan perubatan, kurangnya penjagaan dan sokongan, serta keganasan.”

(Dipetik dari: UNAIDS, 2007, “Mengurangkan Stigma dan Diskriminasi HIV: Satu Bahagian kritikal dari Program-program AIDS Nasional”)



Doa

Berdoa bagi projek yang anda bakal lakukan. Berdoa agar Allah akan menggunakannya untuk membantu orang lain mengetahui lebih banyak tentang AIDS dan lebih bersimpati terhadap mereka yang menghadapi penyakit tersebut.

Bunuh Diri: Penamat Jalan?





Ayat Mas Alkitab

“Kamu tentu tahu bahawa tubuh kamu itu tempat kediaman Roh Allah. Roh itu tinggal di dalam kamu, dan Allah sendiri yang mengurniakan Roh itu kepada kamu. Diri kamu bukanlah milik kamu, tetapi milik Allah. Kamu sudah dibeli oleh Allah dan harganya sudah dibayar lunas. Oleh itu, gunakanlah tubuh kamu untuk memuliakan Allah.” (1 Korintus 6:19-20)



Kata-kata Mutiara

Pilihan untuk mengakhiri hidup kita bukan terletak di tangan kita kerana kehidupan ini bukan milik kita. Kehidupan kita adalah milik Allah kerana Dia yang telah mencipta dan menebus kita dengan harga nyawa Anak-Nya.



Aktiviti Bersama

Baca petikan berita yang disiarkan dalam Utusan Malaysia pada Februari 2011 di bawah.

Bunuh Diri dan Gangguan Mental

Oleh: Khairul Azhar Bin Idris (Utusan Malaysia, 23/02/2011)

Gejala bunuh diri yang berlaku dalam masyarakat negara ini didapati semakin berleluasa pada masa kini. Ia seperti satu fenomena yang sudah biasa berlaku, sama seperti kejadian bunuh diri yang berlaku di negara-negara luar, di mana masyarakatnya sudah biasa, lali atau masak dengan kejadian seperti itu. Data dari Pusat Registri Bunuh Diri Kebangsaan (NSRM-National Suicide Registry Malaysia) mendapati sekurang-kurangnya 2 orang membunuh diri setiap hari dengan kadar purata 60 orang dalam sebulan, satu tren yang didapati menyamai tren bunuh diri di negara Amerika. WHO atau Pertubuhan Kesihatan Sedunia mendapati pada setiap tahun, satu juta orang akan meninggal dunia kerana membunuh diri, dengan anggaran purata sebanyak 3000 kejadian setiap hari. Golongan yang paling besar ialah mereka yang berumur antara 16 hingga 25 tahun.

Kemudian dalam kumpulan 4-5 orang, bincangkan:

1. Pernahkah anda terfikir untuk membunuh diri sebelum ini, biarpun ia hanya sekilas pemikiran? Jika jawapan anda adalah 'ya', kongsi apa yang menyebabkan anda terfikir begitu.
2. Pada pendapat anda, mengapakah anak-anak muda lebih cenderung untuk menamatkan hidup mereka sendiri?



Renungan Firman Tuhan

1. Mengapa perbuatan membunuh diri merupakan satu dosa? (Ulangan 32:39)
2. Membunuh diri samalah dengan dosa membunuh orang. Mengapakah kita dilarang membunuh (termasuk diri kita sendiri)? (Kejadian 5:1-2)
3. Jadi, kehidupan kita bukanlah milik kita sendiri tetapi milik Tuhan Pencipta. Apa yang Dia telah lakukan untuk setiap kita? (1 Korintus 6:19-20)
4. Siapa sahaja yang layak untuk mengambil nyawa seorang manusia? (Ulangan 32:39)

5. Mengenai pertumpahan darah, apa yang dikatakan oleh TUHAN Allah dalam Kejadian 9:4-6?

6. Kita semua berhak untuk hidup kerana Allah menjadikan kita. Apa kata Yesaya dalam Yesaya 49:14-16?

7. Kenapa kita tidak dibenarkan untuk menamatkan kehidupan kita dengan cara yang tidak matang? (Yeremia 29:11-13)

8. Sesungguhnya Tuhan sangat mengasihi kita. Bagaimana kasih itu digambarkan oleh Paulus? (Roma 8: 35-39)




Renungan Peribadi

Ruang Nasihat

1. Ini adalah seperti 'Ruang Nasihat' yang biasa kita lihat di dalam surat khabar atau majalah di mana orang akan menulis untuk meminta bantuan bagi masalah yang mereka hadapi.
2. Dalam kumpulan 4-5 orang, setiap orang akan menulis kepada editor Ruang Nasihat ini. Bayangkan anda seorang remaja yang menghadapi banyak masalah sehingga anda berniat untuk membunuh diri. Tuliskan surat pendek kepada editor Ruang Nasihat tentang hal itu. Anda boleh gunakan nama samaran.

3. Bila semuanya selesai, bertukar-tukar surat dengan ahli kumpulan anda. Jangan ambil surat yang ditulis oleh anda sendiri!
4. Dan bayangkan anda sekarang adalah editor Ruang Nasihat tersebut. Bagaimanakah anda akan menasihati remaja yang bermasalah itu? Tulis balasan surat anda:



Santapan Minda

“Saya selalu merasakan ianya satu hal yang menarik di mana kadar bunuh diri di kalangan orang-orang kurang upaya adalah jauh lebih rendah daripada mereka yang tidak cacat.”

~ Michael Levine



Doa

Berdoa bersama agar setiap daripada kita akan belajar untuk datang kepada Tuhan apabila kita menghadapi masalah dan kesukaran, supaya kita tahu mencari sandaran dan kesenangan di dalam-Nya. Berdoa juga supaya anda akan belajar untuk mendapatkan bantuan bagi masalah anda dengan lebih awal dan semoga damai sejahtera-Nya akan selalu menjaga hati dan fikiran anda di dalam Yesus Kristus.



**Jantina:
Hanya Lelaki & Perempuan Saja?**





Ayat Mas Alkitab

“Demikianlah Allah menciptakan manusia dan menjadikan mereka seperti diri-Nya sendiri. Dia menciptakan mereka lelaki dan perempuan.... Lelaki dan perempuan itu bertelanjang, tetapi mereka tidak berasa malu.”

(Kejadian 1:27; 2:25)



Kata-kata Mutiara

Alkitab tidak menekankan sebarang pembezaan antara jantina dan gender kerana semasa Allah mencipta manusia, Dia menjadikan mereka lelaki dan perempuan. Ini berkesesuaian dengan siapa lelaki dan perempuan, jantan dan betina (untuk haiwan).



Aktiviti Bersama

Kekeliruan Gender?

Dalam kumpulan 4-5 orang, bincangkan:

1. Berapa banyak gender dan jantina yang terdapat dalam dunia ini? Berikan alasan anda.
2. Pada pendapat anda, apakah yang menjadikan lelaki itu lelaki, atau perempuan adalah perempuan? Berikan alasan anda.
3. Apa yang anda tahu tentang beberapa golongan orang yang dikatakan sebagai mengalami 'kekeliruan gender':

(a) Transvestite (pondan)

(b) Cross dresser (memakai pakaian gender berlawanan)

(c) Transseksual (kekeliruan antara identiti gender dengan jenis kelaminnya)

(d) Interseksual (khunsa)

(e) Transgender (tidak mengikut norma sosial untuk jantina & gender)

4. Bagaimana anda memberi respon/reaksi terhadap golongan orang seperti itu?



Renungan Firman Tuhan

1. Apakah jantina yang TUHAN cipta semasa Dia menjadikan manusia? (Kejadian 1:27)
2. Apakah panggilan jantina tersebut? (Kejadian 2:19-25)

3. Adakah Adam menghadapi sebarang masalah untuk menerima bahawa dia adalah seorang lelaki? (Kejadian 2:19-25) Berikan alasan anda.

4. Adakah Alkitab membezakan dalam menjadi lelaki itu lelaki? Atau dalam perempuan itu perempuan? Berikan alasan anda.

5. Adakah terdapat sebarang 'jantina perantara', iaitu jantina atau gender yang tidak ditakrifkan dengan jelas? (Kejadian 5:1-2)

6. Lihat Yesaya 56:3-4. Siapakah yang dipanggil sebagai 'orang-orang kebiri'?

7. Siapakah tiga kumpulan sida menurut Yesus di Matius 19:12? Adakah mereka mempunyai gender atau jantina yang lain daripada lelaki/perempuan?

8. Pada pendapat anda, bagaimanakah mereka menjadi sedemikian?

9. Apa perintah TUHAN tentang cara pemakaian umat ciptaan-Nya mengikut jantina? (Ulangan 22:5 dan Imamat 19:19)



Renungan Peribadi

Dalam kumpulan empat atau lima orang yang sama jantina, fikirkan siapakah anda yang telah diciptakan oleh Tuhan sebagai lelaki dan perempuan, yang dijadikan menurut rupa/imej Allah.

A large, empty rectangular box with rounded corners and a decorative scroll-like border on the top and left sides, intended for personal reflection or writing.

Santapan Minda

'Identiti gender' merujuk kepada perasaan seseorang sama ada dia merasakan dia seorang lelaki atau perempuan. 'Peranan gender' pula menggambarkan bagaimana orang secara terbuka mengekspresikan diri mereka dalam penampilan, pakaian, perbualan, bahasa tubuh dan perilaku mereka.

~ Dr. Milton Lum,
tentang 'Kepincangan Identiti Gender'



Doa

Berdiri dalam bentuk satu bulatan dan biar setiap orang berdoa pendek sebagai kesyukuran kepada Allah dalam meraih siapakah anda sesuai dengan jantina dan gender anda.



Panduan Pembimbing

Sesi 1: Seks: Semua Orang Pun Melakukannya**Objektif-Objektif Sesi**

1. Berwaspada dengan sikap masyarakat yang sambil-lewa terhadap seks.
2. Mempelajari prinsip Alkitabiah kedudukan seks dalam kesucian perhubungan perkahwinan.
3. Memahami kenapa Allah menganggap itu dosa untuk seks di luar hubungan perkahwinan.
4. Memikirkan sebab-sebab kenapa mereka harus berdiri teguh dalam keyakinan mereka dalam hal menjaga kesucian diri dan perkahwinan.

**Pencetus Minat****Mari Dengarkannya Daripada Anda**

(Diperlukan: Kad pelbagai warna, senarai pernyataan)

1. Bahagikan mereka kepada 2 atau 3 kumpulan.
2. Edarkan satu set kad kepada setiap kumpulan. Setiap set mengandungi dua keping kad dengan warna yang berbeza.
3. Terangkan bahawa anda akan membacakan suatu senarai pernyataan. Beritahu mereka warna mana yang anda pilih untuk mewakili pernyataan yang BETUL dan yang SALAH.
4. Setelah setiap pernyataan dibacakan, mereka harus mengeluarkan salah satu kad, bergantung pada sama ada mereka mendapati pernyataan tersebut betul atau salah.
5. Di bawah adalah senarai pernyataan yang dicadangkan untuk anda bacakan. Anda boleh menambah pernyataan-pernyataan lain.
 - Alkitab sudah ketinggalan zaman apabila berbicara tentang seks.
 - Alkitab sangat kolot (fikiran tertutup) tentang seks.
 - Tidak salah mengadakan seks sebelum berkahwin sekiranya anda sangat menyayangi pasangan anda.
 - Seks diciptakan oleh TUHAN dan hanya bermaksud untuk membuat anak.
 - Tidak salah mengadakan hubungan seks asalkan anda mengambil langkah berjaga-jaga yang betul.
 - Tiada sesiapa pun yang patut memberitahu anda apa yang harus anda lakukan dengan kehidupan seks anda.

- Seks bukanlah sesuatu yang salah, sebab kebanyakan rakan saya juga melakukannya.
6. Semak jawapan-jawapan yang diberikan dan buat mereka berkongsi dari manakah mereka mendapat pemikiran sedemikian.



Renungan Firman Tuhan

A. Pengenalan

1. Seperti yang kita telah ketahui, terdapat banyak sumber di mana kita boleh mendapat idea dan maklumat tentang seks.
2. (*Rujuk pada senarai yang telah mereka buat*) Malangnya, ramai orang muda mendapat banyak maklumat dan pengaruh daripada apa yang mereka lihat dan baca dalam media – daripada internet, filem, TV, iklan-iklan dan buku-buku.
3. Seringkali mereka turut mengumpulkan banyak maklumat daripada rakan-rakan mereka. Malangnya, kebanyakan rakan mereka juga mendapatkan sumber mereka daripada media.
4. Hampir semua rancangan TV dan wayang yang anda tonton menunjukkan bahawa perhubungan seks adalah perkara yang sangat biasa, bukan? Tidak kisah sama ada ia adalah seks sebelum perkahwinan atau di luar perkahwinan. (*Minta mereka untuk menamakan rancangan-rancangan TV atau filem-filem yang memaparkan pandangan ini*)
5. Meniduri nampaknya merupakan perkara biasa yang dilakukan. Oleh itu, ramai remaja yang melihat bahawa tidak salah untuk meniduri asalkan mereka tidak tertangkap, sama ada oleh ibu bapa mereka atau oleh pihak sekolah ataupun asalkan si perempuan tidak mengandung!
6. Walau bagaimanapun, kita sebagai orang Kristian perlu tahu apakah ukuran Allah. Adakah pandangan Allah tentang seks sama dengan apa yang kita lihat dalam dunia pada hari ini? (*Biar mereka memberikan respon*)
7. Sesi ini akan membantu anda memiliki pemahaman yang betul tentang pendirian anda sebagai seorang Kristian apabila berhadapan dengan isu ini.

B. Pandangan Alkitab tentang SEKS

1. **Sumber** (Kejadian 2:18, Matius 19:4-5)
 - a. Alkitab memberitahu kita bahawa lelaki dan perempuan adalah mahkota kemuliaan ciptaan Allah kerana Allah menjadikan mereka sama seperti-Nya.

- b. Kejadian 2:18 memberitahu kita bahawa Allah menjadikan lelaki dan perempuan untuk suatu tujuan – Dia mahu mereka menjadi teman agar mereka tidak bersendirian. TUHAN berfirman bahawa tidak baik untuk Adam berseorangan.
- c. Walau bagaimanapun, TUHAN bermaksud hubungan lelaki-perempuan itu lebih daripada hanya kawan.
- d. Dalam Matius 19, Yesus menerangkan bahawa lelaki dan perempuan dicipta untuk hubungan istimewa sebagai suami dan isteri. Ia adalah satu perhubungan yang kekal dan tiada sesiapa pun yang dibenarkan untuk memisahkan mereka.
- e. Apakah yang sangat istimewa tentang hubungan ini? *(Biar mereka memberikan respon)*
- f. Yesus menerangkan bahawa dalam perhubungan ini, kedua-dua lelaki dan perempuan akan menjadi satu.

Tulis di papan tulis:

Sumber: Suami dan isteri menjadi satu dalam ikatan perkahwinan

- g. Pada pendapat anda, apakah maksudnya? *(Biar mereka memberikan respon)*

2. Penerangan (Matius 19:6)

- a. Penyatuan ini bukan sekadar bermaksud bersama-sama – ia bermaksud bersatu untuk menjadi satu secara emosi, rohani, jasmani dan seksual. Itu bermaksud suami dan isteri adalah satu dalam segala hal di mata TUHAN.
- b. Di mata TUHAN seksual juga terlibat dalam penyatuan itu. Oleh itu, Yesus berkata tiada seorangan pun yang dibenarkan untuk memisahkan pasangan itu, baik secara jasmani mahupun secara seksual.
- c. Sekiranya seks dijadikan oleh Allah, ini bermakna ia adalah sesuatu yang baik dan untuk dinikmati.
- d. Ramai orang berfikir bahawa orang Kristian tidak terlalu memikirkan tentang hal ini kerana mereka mempunyai pandangan yang kuat tentang apa yang betul dan salah mengenai seks! Ada pula yang berfikir bahawa seks adalah perkataan kotor dan hanya boleh dilakukan untuk kebaikan iaitu membuat anak!
- e. Sebagai seorang Kristian, kita perlu faham bahawa Allah telah menjadikan setiap bahagian tubuh kita termasuk organ-organ seks kita.
- f. Kita juga perlu faham bahawa Dia menjadikan organ-organ seks dengan sistem saraf yang dibentuk untuk memberikan

- perasaan yang menyenangkan.
- g. Walau bagaimanapun, perasaan suka ini bukan diperoleh untuk kepentingan sendiri. Seperti segala sesuatu yang baik yang dicipta oleh TUHAN, kepuasan seksual harus dinikmati dalam hubungan yang telah diciptakan untuknya.
 - h. Seks bukan sahaja untuk memberikan kepuasan jasmani yang sebenar. Seks adalah salah satu cara bagi Allah untuk menciptakan penyatuan antara lelaki dan perempuan secara emosi dan rohani dalam konteks perhubungan perkahwinan yang istimewa.

Tulis di papan tulis:

Penerangan: Seks menyatukan suami dan isteri di mata TUHAN

3. Pelanggaran (Matius 19:8-9; Ibrani 13:4)

- a. *(Suruh mereka buka kepada Matius 19:8-9)* Yesus berkata bahawa sebarang hubungan seksual yang bukan daripada perhubungan perkahwinan adalah salah kerana di mata Allah, pasangan yang telah berkahwin adalah satu. Seseorang itu dianggap berzina sekiranya dia mengadakan seks di luar hubungan perkahwinan.
- b. Ibrani 13:4 mengatakan bahawa ranjang perkahwinan harus menjadi kesuciannya kerana sebarang hubungan seksual di luar perkahwinan dianggap zina dan tidak bermoral.
- c. *(Suruh mereka membuka 1 Korintus 6:16-20. Minta seorang sukarelawan untuk membacakan petikan itu)*
- d. Paulus mengingatkan kita dengan tegas bahawa apabila kita mengadakan seks dengan seseorang, kita pada dasarnya telah menyatukan diri kita dengan orang tersebut dan menjadi satu di mata Allah. Dan Allah telah mentahbiskan itu hanya boleh berlaku dalam satu perhubungan perkahwinan.
- e. Oleh itu, sekiranya kita melakukan dosa seksual, kita sebenarnya berdosa ke atas tubuh kita sendiri. Paulus mengingatkan kita bahawa tubuh kita adalah bait suci bagi Roh Kudus. Allah sendiri tinggal di dalam kita. Jadi, beranikah kita berdosa terhadap-Nya dan menjadikan bait suci yang ditinggali-Nya tidak suci?!
- f. Anda bukan kepunyaan anda – anda telah dibeli dengan harga yang mahal oleh Allah, iaitu dengan harga kematian Anak-Nya!
- g. Oleh itu, bagi Tuhan ianya tidak kira adakah ia adalah seks sebelum, semasa atau di luar perkahwinan. Sebarang dosa seksual adalah salah di mata-Nya kerana ia menjadikan kita tidak suci di hadapan-Nya. Kita harus menjadi kudus kerana Dia adalah kudus.

Tulis di papan tulis:

*Pelanggaran: 1. Seks ketika perkahwinan – zina
2. Seks di luar perkahwinan – Percabulan seksual*

- h. Oleh yang demikian, tidak kira apapun sebab-sebab atau alasan-alasan yang orang berikan untuk mengadakan seks di luar perkahwinan, ia adalah sesuatu yang salah di mata Allah.
- i. Belajarlah untuk berdiri teguh untuk apa yang anda percaya walaupun anda akan menghadapi ejekan atau kritikan yang menyakitkan hati daripada rakan-rakan anda. Rakan-rakan anda berfikir bahawa mereka mempunyai hak untuk memilih apa yang mereka mahu lakukan. Tetapi ingatlah bahawa itu hanya pendapat mereka.
- j. Ramai orang yang sebenarnya mencari seseorang atau sesuatu untuk memenuhi kemahuan jauh di lubuk hati mereka. Dan mereka berfikir bahawa mengadakan seks akan membawa pasangan mereka dekat kepada mereka.
- k. Bagaimanapun, mengadakan seks tanpa jaminan dan kekekalan hubungan perkahwinan hanya menghasilkan perasaan yang kosong. Seks hanya menjadi satu kelakuan jasmani.
- l. Rakan-rakan anda boleh mendapatkan semua kepuasan seksual yang mereka mahu tetapi mereka tidak boleh mendapatkan kesukaan dan kepuasa yang sebenar daripada hubungan yang hanya berlaku pada masa berada di atas katil.
- m. Ada banyak aktiviti fizikal lain yang anda boleh mendapatkan keseronokan dan kepuasan tanpa berdosa terhadap tubuh anda sendiri dan rasa bersalah di hadapan Allah. Pastikan diri anda suci untuk perhubungan perkahwinan yang Dia akan berikan kepada anda pada masa hadapan. Anda tidak akan menyesal jika anda melakukannya.



Renungan Peribadi

Sekiranya para peserta menghadapi kesulitan untuk memberikan sebab-sebab yang biasanya diberikan orang untuk memberi alasan atau membujuk orang mengadakan seks sebelum berkahwin, di bawah adalah beberapa sebab-sebab yang anda boleh masukkan sekiranya ia tidak disebut oleh para peserta:

- Jika saya menolaknya, teman lelaki saya akan tinggalkan saya.
- Mengadakan seks menunjukkan saya komited atau sayang kepada pasangan saya.
- Jika saya tidak melakukannya sekarang, bagaimana saya akan tahu sama ada kami mempunyai hubungan seksual yang baik dalam perkahwinan?
- Tidak salahkan, sebab semua orang juga melakukannya.
- Jika saya tidak melakukannya, rakan-rakan saya akan berfikir bahawa saya pelik/kolot.
- Saya tidak mahu rasa tersisih daripada rakan-rakan saya.
- Tidak salah jika saya mengambil langkah berjaga-jaga yang betul seperti memakai kondom.



Doa

Suruh mereka berdoa agar Allah akan memberikan mereka kebijaksanaan dan keberanian untuk apa yang mereka percaya walaupun terdapat tekanan daripada rakan-rakan ataupun daripada apa yang mereka lihat dalam masyarakat pada hari ini. Minta perlindungan dan jagaan Tuhan supaya mereka akan bertumbuh dalam keyakinan untuk berdiri teguh tanpa menghiraukan godaan dan tekanan di sekeliling mereka.

Sesi 2 : XXX: Apa Salah, Kan Hanya Melihat?



Objektif-Objektif Sesi

1. Mengetahui bahawa keinginan mata menimbulkan pemikiran dan keinginan yang tidak suci yang akan membawa kepada godaan untuk berdosa secara seksual.
2. Menyedari bahawa Allah mahu umat-Nya menahan diri daripada dosa-dosa seksual dan pemikiran kotor dalam kehidupan mereka kerana Dia mahu mereka menjalani kehidupan yang kudus.
3. Memikirkan bagaimana mereka boleh mengelakkan godaan daripada bahan-bahan pornografi.
4. Berikrar untuk menahan diri daripada dosa-dosa seksual dan menjaga diri serta pemikiran mereka supaya sentiasa suci.



Pencetus Minat

Sketsa: Mahu Tengok?

1. Pilih 5 orang untuk melakukan sketsa ini. Anda mungkin harus memilih pelakon anda sebelum sesi bermula supaya mereka tidak membuang masa untuk berlatih semasa sesi berjalan.
2. Sediakan alat-alat yang diperlukan.

Para Pelakon:

Johnny – pelajar sekolah menengah

Hati Nurani – berpakaian putih dengan label 'Hati Nurani' di dada.

Godaan – berpakaian hitam dengan label 'Godaan' di dada.

Rakan A

Rakan B

Alat-Alat Yang Diperlukan

Beberapa majalah dan buku

Jam loceng

Tanda "Hati Nurani" dan "Godaan"

Dua meja

Johnny sedang duduk di perpustakaan sekolah sambil membaca buku. Dua orang rakannya yang duduk di tempat lain sedang membaca sebuah majalah. Beberapa buah buku bertaburan di atas meja mereka. Hati Nurani dan Godaan berdiri dengan senyap di belakang Johnny.

Rakan A: Wah, tengok ni..

Rakan B: Shh... jangan terlalu kuat. Kau mahu satu perpustakaan dengar? Mana, mana... (**Rakan A** menunjukkan sesuatu di

- majalah) Oh ya, ini sememangnya lebih baik daripada di dalam wayang...
- Rakan A:** Mestilah. Mereka tapis semua yang kau tonton di panggung wayang. Mana seronok macam tu. Macam manapun, ada banyak lagi. Tengok... *(Rakan A membelek setiap muka surat. Kedua-dua rakan berbual dengan seronok. Johnny terganggu dan berpaling)*
- Johnny:** Hei, boleh kamu senyap sedikit? Ini perpustakaan, tahu!
- Rakan B:** Hei, Johnny, mari tengok ni. Kau tentu takkan percaya!
- Johnny:** Kamu berdua sedang tengok apa? Mata kamu berdua kelihatan seperti mahu terbeliak!
- Rakan A:** *(Melihat sekeliling, kemudian merendahkan sedikit suaranya)* Aku dapat majalah *Playboy* ini dari rumah pak cik aku semalam. Aku selitkan ia di bawah timbunan buku-buku lain yang aku pinjam daripadanya. Marilah tengok. Kau tak akan percaya dengan gambar yang ada di sini.
- Johnny:** Umm...
- Hati Nurani:** Aku rasa kau tak perlu pergi. Tidak baik melihat gambar-gambar perempuan atau lelaki bogel dan separuh bogel. *(Johnny seolah-olah bersetuju dengan pemikiran itu)*
- Godaan:** Aiya, apa salahnya tengok? Bukannya kau mahu lakukan sesuatu terhadapnya. *(Johnny mengangguk setuju dan bertindak seolah-olah ingin berdiri dan pergi ke arah rakan-rakannya)*
- Hati Nurani:** Tunggu! Siapa kata tidak salah dengan hanya melihat? Ingat apa yang Alkitab kata tentang keinginan mata? *(Johnny berhenti dan duduk kembali)* Kau langsung tidak boleh melihat gambar-gambar ini dan membuatkan pemikiran kau berdosa! Ingat waktu terakhir kau melihat perempuan dengan skirt yang sangat pendek...
- Godaan:** Aiyo... pemikiran kau kolotlah. Sekarang ini abad ke-21! Setiap lelaki berdarah panas sudah tentu akan mempunyai pemikiran sebegitu dalam fikiran mereka – itu adalah sebahagian sifatnya, tahu? Apa yang lebih penting adalah apa yang kau lakukan, bukan apa yang kau fikirkan.
- Rakan A:** Hei, Johnny, kau mahu tengok atau tidak? Kami akan balik ke kelas tidak lama lagi, tahu?
- Johnny:** *(Kelihatan resah)* Umm... ya *(Mula berdiri)*
- Hati Nurani:** Kalau kau pergi, kau akan berakhir dengan rasa bersalah. Paling teruk lagi, kau akan berhadapan dengan pelbagai jenis pemikiran berdosa yang akan datang disebabkan melihat gambar-gambar itu. *(Johnny berfikir seketika dan kemudian, duduk kembali)*

Godaan: Normallah. Semua orang melalui pemikiran sebegitu. Macam manapun, kau tidak mahu lihat sendirika apa yang Allah telah ciptakan? Kawan-kawan kau rasa ia menyeronokkan.

Jam loceng dibunyikan.

Rakan B: Uh oh... Masa untuk balik ke kelas. Lebih baik sembunyikannya di bawah timbunan buku kau. Hei, Johnny, minta maaf. Kami kena balik ke kelas. Lain kali, ya? *(Kedua-dua rakan mengemas barang-barang mereka dan pergi)*

Johnny: Tidak apa. Aku pun kena pergi juga. *(Melambai ke arah mereka. Mengemas bukunya dan pergi)*

Hati Nurani: Huh, diselamatkan oleh loceng.

Godaan: *(Berpaling ke arah Hati Nurani)* Kau menang kali ini tetapi, tapi jangan lupa, akan selalu ada peluang yang lain.

Kemudian, kedua-dua **Hati Nurani** dan **Godaan** pergi sambil menjeling satu sama lain.

Tanya para peserta:

- Adakah anda juga pernah melalui pengalaman seperti dalam sketsa tadi?
- Kongsikan pengalaman anda.



Renungan Firman Tuhan

A. Pengenalan

1. Sangat menakutkan pada hari ini kerana kita terdedah dengan media massa yang banyak menekankan seks dan seksualiti manusia.
2. Orang-orang di media tahu bahawa seks menarik sama seperti jualan. Oleh itu, kita lihat seks digunakan secara langsung atau tidak langsung dalam media massa, seperti menekankan tarikan seksual lelaki dan perempuan di filem-filem dan buku-buku.
3. Di negara ini terdapat had tentang apa yang boleh ditunjukkan dalam kebanyakan filem atau rancangan TV. Kebanyakan adegan seks ditapis kecuali di VCD dan pita video. Biasanya adegan seks hanya sebahagian daripada jalan cerita dan tidak bertumpu kepadanya. Ia dimasukkan dalam jalan cerita untuk menambah permintaan rancangan kerana orang gemar melihat adegan sebegitu.
4. Ia sama untuk kebanyakan buku yang dijual kepada orang ramai.

- Mungkin terdapat adegan seks yang digambarkan tetapi selalunya ia bukanlah fokus utama cerita tersebut.
5. Walau bagaimanapun, terdapat kumpulan kesusasteraan dan rancangan lain yang memberikan tumpuan utama pada seks. Mereka menggambarkan banyak butiran tentang aksi berkaitan seks atau mereka menunjukkan dedahan gambar-gambar atau adegan-adegan mengenai orang berbogel atau yang terlibat dalam aksi seksual. Semua ini termasuk dalam apa yang selalunya dipanggil sebagai pornografi.
 6. Internet telah membuatkan apa yang dahulunya susah ditonton menjadi sesuatu yang senang diakses. Hanya dengan tekanan satu butang di keyboard!
 7. Majalah pornografi mungkin tidak mudah didapati di Malaysia, tetapi mereka yang ketagihan tetap boleh mendapatkannya melalui pelbagai jalan.
 8. *(Minta mereka menamakan jenis-jenis pornografi yang mereka tahu atau pernah dengar. Tanya mereka sama ada mereka tahu bagaimana untuk mendapatkannya atau tidak)*
 9. Apakah yang anda lakukan apabila anda berhadapan dengan bahan-bahan seperti itu? Adakah ia memudaratkan dengan hanya membaca atau melihatnya? *(Biar mereka memberikan respon)*
 10. Sesi pada hari ini akan membantu anda bagaimana kita harus respon berdasarkan Alkitab apabila berhadapan dengan godaan seksual pornografi.

B. Godaan untuk Melihat

1. Pada usia muda sekarang, kebanyakan anda tertarik dengan apa-apa yang menyeronokkan, mencabar atau yang terlarang, bukan? *(Biar mereka memberikan respon)*
2. Apa-apa yang berkaitan dengan lawan jenis sangat menarik perhatian anda, bukan? Masa remaja dan bujangan adalah masa di mana rasa ingin tahu anda memuncak terutama sekali hal-hal yang berkaitan dengan lawan jenis.
3. Sudah tentu satu bahagian godaan yang besar ialah tentang seks.
4. Semua manusia (terutamanya di peringkat remaja dan mendewasa) tertarik dengan seks dan tubuh manusia.
5. Pada pendapat anda, mengapakah orang muda mempunyai sifat ingin tahu yang besar tentang seks dan hal-hal berkaitan dengan seks? *(Biar mereka memberikan respon)*
6. Ini adalah normal dalam pertumbuhan dan pembesaran seseorang. Ini adalah bahagian yang telah dijadikan oleh Allah dengan semua keperluan jasmani, emosi dan seksual manusia.
7. Isunya bukan mengenai berapa besar minat atau perasaan ingin tahu tentang hal-hal mengenai seks. Apa yang penting adalah apa

yang akan anda lakukan terhadap perasaan ingin tahu dan minat ini.

8. Pada hari ini, terdapat pelbagai jenis godaan seksual di sekitar kita – dari filem hinggalah ke internet, buku, muzik, iklan dan kepada manusia juga, terutamanya wanita dan budak perempuan (berpakaian ataupun tidak)!
9. Anda harus sedar bahawa godaan seksual lebih cenderung kepada lelaki berbanding dengan perempuan. Seksual lelaki cenderung tergoda melalui apa yang dilihat berbanding dengan perempuan. Oleh itu, godaan pornografi lebih dihadapi oleh lelaki berbanding dengan perempuan.
10. Apakah respon anda terhadap hal-hal seperti itu di sekeliling anda, terutamanya yang bersifat pornografik/lucah?
11. Adakah Alkitab mengajar kita bagaimana untuk menangani diri kita apabila kita berdepan dengan hal-hal seperti itu? Adakah kita boleh melihatnya sahaja kerana kita tidak akan melakukan sesuatu terhadapnya? Mari lihat apa yang dikatakan oleh Alkitab.

C. Bukan Sekadar Melihat

1. Bukan Sekadar Melihat: Pemikiran

- a. Alkitab memberitahu kita bahawa kita tidak pernah puas dengan hanya melihat (Amsal 27:20). Ini adalah sebahagian daripada sifat berdosa kita. Kita akan selalu menginginkan dengan lebih banyak lagi.
- b. Sekali anda mula melihat pada bahan-bahan pornografi atau apa sahaja yang merangsang secara seksual, anda akan memulakan satu rantai reaksi.
- c. Ia bermula dari pemikiran anda. Tiada sesiapa pun yang dapat memastikan pemikiran mereka bersih sepenuhnya apabila mereka telah didedahkan kepada atau melihat gambar-gambar lucah.
- d. Apabila pemikiran begitu melekat di fikiran anda, anda akan menghadapi lebih banyak masalah untuk menghapuskannya.
- e. Alkitab memberitahu kita bahawa kita harus memastikan diri kita suci dan kudus untuk Allah (Efesus 5:3-5). Kita tidak boleh membiarkan tubuh dan fikiran kita berdosa secara seksual.
- f. Kita harus menjadi suci dan kudus sama seperti Allah yang suci dan kudus. Dan kita tidak boleh menyucikan pemikiran kita sekiranya kita mendedahkannya kepada hal-hal yang akan menyebabkan kita berdosa melalui pemikiran.
- g. Apa yang membahayakan adalah pemikiran seperti itu akan mula memenuhi fikiran kita sehingga ia menjadi sesuatu yang menagihkan. Ramai orang mendapati mereka tidak boleh menghentikan gambaran tersebut daripada terus bermain di fikiran mereka.

2. Bukan Sekadar Melihat: Keinginan

- a. Melihat bukan sahaja membangkitkan pemikiran yang tidak bersih, ia juga melahirkan keinginan. Kesemua perkara akan menjadi satu lingkaran sebab dan akibat – semakin anda memikirkan tentangnya, semakin anda mahu melihatnya; dan semakin anda melihatnya, semakin anda memikirkan tentangnya.
- b. Lihat pada kedua-dua contoh Daud dan Achan. Semuanya bermula daripada apa yang dilihat. Daripada mata ia membawa mereka untuk menginginkan apa yang mereka telah lihat. Dalam kes Daud, ia adalah seorang perempuan; untuk Achan, ia adalah jubah yang cantik dan mahal.
- c. Alkitab menyebut hal ini sebagai keinginan (hawa nafsu) mata. Setiap kali kita melihat sesuatu menarik perhatian kita, kita selalu berkeinginan untuk memilikinya. Ia mungkin tidak akan berlaku dengan segera tetapi ia akan terus bermain dalam fikiran kita.
- d. Sekiranya kita tidak dapat menangani pemikiran kita, keinginan untuk mendapatkannya akan menyusup perlahan-lahan ke dalam fikiran dan hati kita. Ia akan lebih berbahaya lagi apabila kita berhadapan dengan bahan-bahan yang merangsang secara seksual.
- e. Orang-orang yang mendedahkan diri mereka kepada bahan-bahan lucah akan selalu mengingatnya dalam fikiran mereka. Semakin mereka memikirkannya, semakin mereka ingin melihatnya. Selepas itu, mereka akan mula membina keinginan seksual dan fantasi di dalam fikiran mereka.
- f. Perlahan-lahan ini akan membangkitkan kemahuan untuk menurut keinginan melalui tindakan seksual atau apa sahaja fantasi yang mereka telah bina dalam fikiran mereka.

3. Bukan Sekadar Melihat: Perbuatan

- a. Apa yang lebih teruk daripada mempunyai keinginan atau fantasi adalah godaan untuk mula melakukannya.
- b. Yakobus memberitahu kita bahawa apabila keinginan mula menghuni fikiran kita, ia akan membuka jalan untuk kita berbuat dosa.
- c. Dalam kedua-dua contoh, Daud dan Achan melakukan keinginan mereka. Dan tindakan mereka menyebabkan mereka berdosa terhadap Allah.
- d. Dalam kes berkaitan dengan keinginan seksual, perbuatan boleh menjadi lebih buruk lagi. Sebarang jenis perbuatan berkaitan dengan seks di luar perkahwinan dianggap sebagai dosa seksual di mata Allah.

- e. (Suruh mereka membuka 1 Korintus 6:12-20. Bacakan petikan untuk mereka)
- f. Alkitab memberitahu kita dengan jelas bahwa dosa seksual adalah dosa yang paling serius di mata Allah. Apabila kita berdosa secara seksual, kita sebenarnya berdosa terhadap tubuh kita yang merupakan bait (rumah) Allah di mana Dia tinggal di dalam-Nya.
- g. Allah telah membeli tubuh kita dengan nilai kematian Anak-Nya. Sanggupkah kita mengotorinya? Paulus memberitahu kita bahwa kita harus menghormati tubuh kita, bukan menjadikannya tidak suci.
- h. Itu adalah sebab mengapa kita diseru untuk menjauhi dosa-dosa seksual, sama ada dari segi pemikiran mahupun dari segi tubuh jasmani kita. Kita tidak lagi bersendirian. Allah telah tinggal di dalam kita dan sebab itulah kita harus menjadi kudus demi-Nya.
- i. Orang-orang yang membenarkan diri mereka diperhambakan oleh pornografi selalu akan berakhir dengan melakukan pelbagai jenis perbuatan seksual kerana mereka didesak oleh keinginan dan ketagihan mereka.
- j. Apakah yang dianggap sebagai perbuatan seksual yang berdosa terhadap tubuh anda? (*Biar mereka memberikan respon*)
- k. Apa-apa yang melibatkan sentuhan fizikal dan merangsang organ kelamin akan termasuk dalam kategori ini. Contohnya, bercumbuan, melancap (mastubasi), seks oral, persetubuhan, dan sebagainya. Alat kelamin dijadikan untuk perhubungan seksual dalam perhubungan perkahwinan. Ia seharusnya tidak dipermainkan di luar tujuan ia diciptakan.



Doa

Minta mereka berdoa agar Roh Kudus Tuhan melindungi diri mereka daripada dedahan bahan-bahan pronografi supaya fikiran, hati, kehidupan dan tubuh mereka disucikan untuk menjadi bait suci Roh Allah yang mendiami di dalamnya.

Sesi 3 : Homoseksualiti: Gaya Hidup Alternatif?

Homoseksual (dan lesbian) bukan satu isu yang mudah untuk disampaikan. Bukan sahaja terdapat banyak pendapat berbeza yang diberikan untuk menjelaskan sebab-sebab orang menjadi homoseks atau lesbian, tetapi terdapat juga percanggahan tentang bagaimana untuk mendefinisikan homoseksual. Gereja seluruh dunia juga mengalami kontroversi mengenai bagaimana ia harus memandang dan berhubungan dengan homoseksual yang ada di dalam dan di luar gereja.

Bagaimanapun, isu ini harus dibincangkan bersama. Sesi ini ditulis untuk membantu para peserta untuk mengetahui tujuan asal Allah untuk ciptaan-Nya, iaitu Dia mencipta dua jantina: lelaki dan perempuan. Kita akan cuba mencari satu rangka kerja tentang harapan bagaimanakitanya harus memberi respon yang baik terhadap godaan atau pergelutan homoseksualiti yang dihadapi oleh orang lain, maupun diri mereka sendiri.

Dua buah buku yang terbukti akan dapat membantu anda untuk fikirkan topik ini ialah *"Eros Defiled The Christian and Sexual Sin"* oleh John White dan *"Helping the Struggling Adolescent"* oleh Les Parrott III.



Objektif-Objektif Sesi

1. Mempelajari bahawa kehendak Allah tentang hubungan seksual hanya dalam konteks perhubungan perkahwinan dan hanya di antara lelaki dan perempuan.
2. Memahami bahawa Allah tidak menolak orang homoseks walaupun perbuatannya adalah dosa di mata-Nya.
3. Mencari tahu bagaimana mereka harus memahami dan memberikan respon kepada orang-orang homoseks
4. Mengetahui pandangan Tuhan terhadap amalan homoseksual.



Pencetus Minat

Biarkan Ia Terus Berpusing

(Diperlukan: Guli, mangkuk plastik, bekas)

1. Tujuan permainan ini adalah untuk melihat kumpulan mana yang cepat dalam menghantar guli sambil memusingkannya di dalam mangkuk.
2. Alihkan semua kerusi ke tepi. Bahagikan para peserta kepada kumpulan yang terdiri daripada kira-kira enam atau lapan orang. Setiap kumpulan harus mempunyai jumlah ahli yang sama.
3. Pastikan ahli kumpulan berdiri dalam satu barisan panjang, kira-kira 1 meter di belakang antara satu sama lain.

4. Letakkan dua bekas kosong, satu bekas di hujung setiap kumpulan.
5. Letakkan kira-kira 10-15 biji guli ke dalam bekas di hadapan hujung setiap kumpulan.
6. Edarkan satu mangkuk plastik kepada ahli di hujung hadapan setiap kumpulan.
7. Terangkan bahawa tujuan permainan adalah untuk mendapatkan semua guli pada hujung barisan dan memasukkannya di dalam suatu bekas di situ. Dengan perkataan *Mula*, orang yang pertama akan mengutip guli, meletakkannya di dalam mangkuk dan selepas itu, mula memusingkannya. Guli harus terus dipusingkan ketika mangkuk dihantar dari satu ahli ke ahli yang lain.
8. Apabila ia sudah sampai kepada orang yang terakhir, dia harus terus memusingkannya sambil menjatuhkan guli tersebut ke dalam bekas kosong. Tangan tidak dibenarkan menyentuh guli kecuali apabila ia terpusing keluar dari mangkuk. Selepas itu, orang yang bertanggungjawab harus berlari mengejar, mengutipnya dan memberikan guli berserta mangkuk kembali kepada orang pertama untuk memulakannya semula. Setelah guli dijatuhkan ke dalam bekas, mangkuk dihantar semula kepada orang pertama yang mana akan memulakan seluruh langkah sekali lagi.
9. Tiada seorang pun yang boleh mengalihkan kakinya daripada kedudukan yang telah ditetapkan. Mereka harus menghantar mangkuk dengan memusingkan tubuh mereka dan menghantarnya kepada orang seterusnya.
10. Kumpulan yang menang adalah kumpulan yang selesai terlebih dahulu.
11. Sesiapa yang didapati menghantar guli tanpa memusingkannya di dalam mangkuk akan menyebabkan kumpulannya memulakan permainan daripada orang pertama sekali lagi!



Renungan Firman Tuhan

A. Pengenalan

1. Adakah mudah untuk memastikan guli berpusing di dalam mangkuk tanpa menyebabkannya terkeluar? (*Biar mereka memberikan respon*)
2. Anda perlu mempunyai sedikit kawalan tentang bagaimana anda menggerakkan mangkuk agar guli tetap berpusing tetapi tidak terpusing keluar.
3. Idea permainan ini adalah untuk memastikan guli berpusing mengikut haluan tetapi bukan keluar daripadanya.
4. Memastikan sesuatu mengikut haluan normal pada setiap masa tidak selalunya mudah.
5. Dalam dunia hari ini, anda akan mendapati bahawa ramai orang

- yang tidak lagi berminat untuk mengikuti atau menerima haluan normal atau tradisional dalam melakukan sesuatu perkara. Seperti guli, ia berpusing tanpa kawalan kerana ia percaya ia mempunyai hak untuk melakukan apa sahaja yang diingini.
6. Dalam dua sesi yang lepas, kita membincangkan sesuatu yang ramai orang sudah menjauhi – iaitu kesucian seksual. Orang tidak lagi menerima bahawa seks hanya untuk mereka yang berstatus suami isteri yang dalam perhubungan perkahwinan. Bahkan ada yang berpendapat penyimpangan daripadanya tidaklah salah.
 7. Orang tidak terlalu kisah tentang selalu terdedah secara berlebihan dengan bahan-bahan memberangsang atau pornografi walaupun ia akan membawa mereka ke arah keinginan yang berdosa.
 8. Dalam sesi hari ini, kita mahu membincangkan satu lagi norma yang orang mulai jauhi – perhubungan seksual lelaki-perempuan. Orang tidak lagi menerima bahawa hubungan seksual dengan orang dari jenis kelamin yang sama adalah salah. Sebab itu kita perlu melihat pandangan TUHAN mengenainya.

B. Tujuan Asal Allah

1. Homoseksualiti – Satu Definisi

- a. Mari mulakan dengan melihat perkataan ini terlebih dahulu. Apakah yang dimaksudkan dengan 'homo'? (*Biar mereka memberikan respon*)
- b. 'Homo' bermaksud 'sama' atau 'sama dengan'.
- c. Homoseksual boleh digambarkan sebagai orang yang mengadakan hubungan seksual dengan seseorang yang sama jantina dengannya (*anda mungkin mahu memeriksa definisi John White dalam bukunya*).
- d. Homoseksual boleh jadi lelaki atau perempuan. Perkataan yang biasa digunakan adalah 'gay'. Lesbian adalah perkataan lain untuk perempuan yang homoseksual.
- e. 'Hetero' bermaksud 'lain'. Oleh itu, heteroseksual merujuk kepada seseorang yang mengadakan hubungan seksual dengan seseorang yang berlainan jantina.
- f. (*Memandangkan anda berada di bahagian ini, anda juga mungkin boleh menyuruh mereka menyatakan maksud 'biseksual'!*) 'Bi' bermaksud 'dua'. Oleh itu, biseksual merupakan seseorang yang terlibat dalam hubungan seksual dengan kedua-dua jantina.
- g. Apakah respon orang-orang Kristian terhadap jenis hubungan yang berbeza ini? Sesetengah orang berkata bahawa setiap orang harus mempunyai hak untuk memilih.
- h. Adakah Allah mempunyai ukuran untuk kita atau adakah kita mengikut peredaran zaman dan bersifat terbuka terhadap semua ini?

- i. Mari periksa apa yang Alkitab katakan tentangnya.

2. Homoseksualiti – Pandangan Allah

- a. Walaupun homoseksualiti hanya disebut beberapa kali (*seseorang mengatakan sebanyak tujuh kali*) dalam Alkitab, ia sudah agak jelas tentang bagaimana pandangan Allah terhadap homoseksualiti.
- b. Dalam Sesi Satu, anda telah belajar bahawa tujuan asal Allah adalah hubungan seksual harus dialami antara lelaki dan perempuan dalam ikatan perkahwinan sahaja.
- c. Oleh yang demikian, di mata Allah, hubungan seksual yang benar dan normal adalah di antara orang yang berlawanan jenis. Sebarang jenis hubungan seksual yang lain dianggap sumbang dan salah kerana ia bertentangan dengan tujuan ia dicipta.
- d. Alkitab berkata bahawa homoseksualiti bukan hubungan semula jadi dan merupakan suatu kesalahan (Roma 1:26-27), iaitu pemutarbelitan tentang apa yang benar. Ia menyatakan bahawa perbuatan yang dilakukan adalah tidak sopan dan bukan semula jadi.
- e. Allah menghukum kota Sodom dan Gomora kerana dosanya yang begitu besar. Salah satu amalan mereka yang berdosa, yang mana Lot sendiri mengatakan ia jahat, adalah homoseksualiti (Kejadian 18:20; 19:4-7).
- f. Pada zaman Perjanjian Lama, mana-mana orang Israel yang didapati mengamalkan homoseksualiti akan dihukum mati kerana ia dianggap sebagai perbuatan yang jahat dan dibenci TUHAN (Imamat 18:22; 20:13). Walau bagaimanapun, kita perlu sedar bahawa ada juga dosa lain yang dihukum mati seperti dosa-dosa seksual (zinah, sumbang muhrim dsbnya), mengutuk ibu bapa dan sebagainya.
- g. Ia bukan sahaja disebut dosa tetapi ia juga adalah sikap ingkar yang mana ramai orang homoseksual mengagung-agungkan tindakan bukan semula jadi mereka dan menyebabkan kemarahan TUHAN.

3. Homoseksualiti – Sebab-sebab yang Mungkin

Tiada jawapan yang pasti tentang apa sebenarnya sebab atau sebab-sebab utama berlakunya homoseksualiti. Walau bagaimanapun, ia penting untuk membiarkan para peserta tahu sesuatu daripada meninggalkan mereka terbuai-buai sendiri dengan teori yang cenderung ke arah membebaskan homoseksual daripada tanggungjawab pilihan dan daripada harapan untuk berubah.

Apa yang diberikan di bawah ini adalah ringkasan dan pencantuman beberapa teori utama yang telah diutarakan untuk dipertimbangkan. Sekiranya anda tidak berpuas hati dengan apa yang diberikan, anda harus membuat lebih banyak penyelidikan sendiri!! Periksa buku-buku John White dan Les Parrot – ia telah dibuktikan sangat membantu.

- a. Mengapa orang menjadi homoseksual sekiranya ia bukan sebahagian daripada tujuan asal Allah untuk kita? (*Biar mereka memberikan respon*)
- b. Terdapat banyak teori yang cuba untuk menerangkan mengapa orang menjadi homoseksual.
- c. Satu teori yang biasa didengar adalah orang tersebut dilahirkan sebagai homoseks. Mereka berfikir bahawa ia adalah tentang hormon atau gen.
- d. Ramai orang Kristian tidak setuju dengan hal ini. Hormon seks kita mungkin bertanggungjawab ke atas desakan seksual kita. Tetapi siapa yang kita pilih sebagai pasangan seks kita atau apa jenis hubungan seksual yang kita lakukan sememangnya bukan ditentukan oleh gen atau hormon.
- e. Terdapat kes 'abnormal' (tidak normal) di mana seseorang boleh memiliki sel tubuh perempuan tetapi mempunyai tubuh yang kelihatan seperti lelaki. Walau bagaimanapun, hal ini sangat jarang berlaku.
- f. Secara amnya, penerangan yang diberikan bahawa seseorang homoseksual adalah homoseksual disebabkan oleh gennya adalah terlalu mudah.
- g. Teori lain mengatakan bahawa homoseksualiti ditentukan oleh pengalaman tertentu dalam kehidupan seseorang.
- h. Satu teori umum di sini adalah seseorang itu membesar di bawah jagaan ibu yang menguasai dan bapa yang pasif. Budak lelaki dalam keadaan seperti itu akan membesar dalam hubungan yang kurang rapat dengan budak perempuan dan lebih selesa bersama budak-budak lelaki yang pendiam. Dalam masa yang sama, dia meminati budak-budak lelaki yang menonjol dan agresif. Budak-budak lelaki seperti itu akan membesar dengan pendedahan yang lebih terhadap godaan homoseksual.
- i. Tabiat juga boleh membentuk sikap. Jika orang muda pernah mengalami perasaan puas ketika bermain seks dengan seseorang yang sama jantina, permainan seks akan menjadi lebih menarik pada masa yang seterusnya. Hal ini terjadi apabila mereka kerap berada dalam kumpulan yang sama jenis untuk suatu jangka masa yang lama, contohnya di sekolah berasrama, penjara, kem tentera dan sebagainya.
- j. Ia juga boleh berlaku apabila seseorang pernah digoda atau didera oleh seseorang yang sama jantina. Sekiranya perasaan

puas melebihi rasa malu dan bersalah, dia mungkin akan terus bersikap sebegini.

- k. Pada zaman sekarang, masyarakat sudah menjadi lebih bertoleransi dengan sikap sedemikian. Ramai orang turut menjadi homoseks kerana perasaan ingin tahu, ingin mencuba, ingin tampil berbeza atau keinginan untuk memiliki. Bagi kebanyakan orang, homoseksualiti cuma gaya hidup yang berbeza untuk menjalani kehidupan.
- l. Dipercayai bahawa homoseksualiti adalah akibat daripada lebih daripada satu sebab.
- m. Walau bagaimanapun, apapun sebab atau sebab-sebabnya, ramai orang homoseksual terutamanya yang merupakan orang Kristian hidup dalam rasa bersalah dan malu. Bagaimana mereka memulakannya mungkin kurang penting daripada bagaimana mereka harus dilayan sebagai manusia dan bagaimana mereka boleh diberikan galakan untuk berubah.

4. Homoseksualiti – Respon Kita

- a. Sebagai orang Kristian, apakah yang harus menjadi respon kita terhadap homoseks dan amalan homoseksual?
- b. Ramai orang Kristian akan mengambil salah satu daripada dua tindakan yang melampau:
- c. Sekumpulan yang menolak dan mengutuk golongan homoseksual sepenuhnya.
- d. Sekumpulan lagi percaya bahawa semua orang mempunyai hak untuk memilih dan melihat homoseksualiti bukanlah satu dosa tetapi gaya hidup yang berbeza. Sesetengah jemaah gereja dalam kumpulan ini turut membenarkan pastor homoseksual.
- e. Alkitab sangat jelas bahawa kita tidak boleh melibatkan diri dalam perbuatan homoseksual kerana ia merupakan dosa di mata Allah. Walau bagaimanapun, ia memberitahu kita untuk tidak mengutuk atau menolak golongan tersebut.
- f. *(Suruh mereka buka Lukas 5:27-32. Minta seseorang untuk membaca petikan itu. Kemudian minta mereka untuk menerangkan apa yang mereka fikirkan tentang petikan tersebut)*
- g. Yesus memberitahu kita bahawa Dia datang untuk memanggil orang-orang berdosa ke arah pertaubatan. Dia tidak datang untuk memanggil orang yang menganggap dirinya tidak mempunyai apa-apa kesalahan dan yang tidak memerlukan Tuhan.
- h. Kita tidak seharusnya menolak rakan-rakan kita atau sesiapa yang kita tahu yang merupakan golongan homoseksual, apa lagi melayan mereka seperti mereka adalah orang yang pelik atau tidak normal. Kita adalah saluran kasih Allah untuk mereka

kerana mereka perlu tahu bahawa Allah menyayangi mereka walaupun mereka berdosa.

- i. Anda harus berdiri teguh dengan kepercayaan anda bahawa perbuatan homoseksual adalah salah tetapi itu tidak bermakna anda tidak boleh menjadi rakan kepada orang itu. Walau bagaimanapun, anda perlu berhati-hati agar anda sendiri tidak digoda untuk mengikut cara hidup dan tabiatnya.
- j. Satu perkara yang anda perlu tahu adalah: terdapat orang yang mempunyai kecenderungan homoseksual tetapi tidak mengamalkan homoseksual. Memiliki kecenderungan homoseksual bermaksud orang itu mempunyai daya tarikan yang luar biasa untuk seseorang yang sama jantina dengannya, suatu tarikan yang mempunyai perasaan yang lebih kuat berbanding perhubungan persahabatan yang baik.
- k. Tidak kisah sama ada seseorang itu seorang homoseksual atau sedang bergelut dengan kecenderungan homoseksual, dia tetap memerlukan bantuan untuk mengatasi pergelutan mereka.
- l. Sekiranya anda tahu sesiapa yang mengalami pergelutan dengan homoseksualiti atau berkecenderungan homoseksual, anda mungkin mahu merujuk mereka kepada _____
(diri anda sendiri, atau sesiapa di gereja atau organisasi anda yang boleh memberikan kaunseling dan bantuan yang mereka perlukan.)
- m. Sekiranya sesiapa di antara anda yang bergelut dengan masalah ini, sama ada homoseksualiti atau berkecenderungan homoseksual, adalah dinasihatkan agar anda turut mendapatkan bantuan. Anda tidak perlu hidup dalam rasa bersalah, malu atau tidak berdaya dalam cuba untuk mengatasi pergelutan anda sendirian.
- n. Walau bagaimanapun, ingatlah selalu bahawa walaupun Allah mengutuk dosa, Dia tidak mengutuk orang berdosa. Kemahuan-Nya adalah agar kita selalu mengetahui kegagalan kita dan berpaling kepada-Nya kembali sama ada semasa kita bergelut dengan homoseksualiti atau sebarang jenis dosa lain dalam kehidupan kita.
- o. Allah mempunyai kuasa untuk membantu orang homoseksual untuk berubah sekiranya orang tersebut benar-benar serius tentangnya. Selalunya hal ini disempurnakan dengan bantuan orang Kristian yang matang atau kaunselor terlatih walaupun kadang-kadang orang itu boleh melakukannya dengan bantuan Allah sendiri.
- p. Dalam Kristus selalu ada pengharapan untuk keselamatan daripada sebarang dosa yang memperhambakan kita.



Sesi 4 : Percabulan: Gangguan Seksual



Objektif-Objektif Sesi

1. Menyedari bahawa kadar kejadian gangguan seksual sangat tinggi d kalangan kanak-kanak dan remaja.
2. Mengetahui bentuk gangguan seksual yang lazim berlaku dan lebih mengerti apa yang terlibat.
3. Mengkaji pandangan Allah tentang perbuatan merogol dan sumbang muhrim (inses).
4. Mendoakan mereka yang menderita dengan pengalaman tersebut.



Pencetus Minat

Bukan Sebarang Buah

(Diperlukan: Buah-buahan)

1. Tujuan aktiviti ini adalah untuk membuatkan para peserta memilih sebiji buah yang mengingatkan mereka tentang diri mereka sendiri.
2. Pastikan buah-buahan disediakan mencukupi untuk semua orang dalam kumpulan.
3. Minta mereka untuk memerhati semua buah dan memilih sebiji yang mengingatkan mereka tentang diri mereka.
4. Setelah mereka telah memilih buah masing-masing, suruh mereka memeriksanya dengan teliti. Beritahu mereka untuk mengingat setiap bintik, lebam, warna, dan sebagainya yang ada pada buah mereka.
5. Kemudian campur adukkan semua buah dan minta mereka mencari buah yang telah mereka pilih.
6. Sekiranya kumpulan anda kecil, suruh mereka untuk melakukan langkah seterusnya bersama-sama. Jika tidak, bahagikan mereka kepada kumpulan yang terdiri daripada empat atau lima orang ahli.
7. Minta mereka untuk berkongsi antara satu sama lain tentang yang berikut:
 - Saya memilih buah ini daripada kesemua buah kerana _____
 - Perkara tentang buah ini yang mengingatkan saya tentang diri saya ialah _____



Renungan Firman Tuhan

A. Pengenalan

1. Adakah anda menghadapi sebarang masalah untuk mencari semula buah yang anda telah pilih? *(Biar mereka memberikan respon)*
2. Sekiranya anda telah meneliti buah anda dengan secukupnya, anda

- tidak akan mempunyai masalah untuk mengenalinya, walaupun terdapat banyak buah yang kelihatan sama di sekelilingnya.
3. Setiap buah, sama seperti setiap orang, mempunyai keunikannya yang tersendiri.
 4. Sekilas pandang ia mungkin kelihatan sama dengan yang lain. Walau bagaimanapun, jika anda melihatnya dengan teliti, anda akan dapat melihat tanda-tanda atau sifat pembezaan tertentu padanya yang membuatkan ia tampil berbeza.
 5. Sama seperti buah yang anda telah pilih, setiap orang juga unik dan istimewa.
 6. Bukan sahaja kita mempunyai sifat-sifat dan ciri-ciri yang berbeza dan unik, tetapi juga disebabkan oleh TUHAN yang telah menjadikan setiap kita unik dan istimewa bagi-Nya.
 7. Tiada satu pun di antara kita yang merupakan salinan orang lain. Kita semua adalah individu yang unik dan setiap orang adalah berharga bagi Allah.
 8. Walau bagaimanapun, nampaknya kita tidak mengikut Allah dalam menganggap setiap manusia sebagai berharga dan istimewa.
 9. Rasa tidak peduli dan tidak hormat terhadap orang lain semakin berleluasa di dunia pada rai ini, tidak kira bangsa, jantina ataupun usia.
 10. Nampaknya orang tidak begitu mengambil berat tentang keberhargaan dan maruah kehidupan sesama manusia.
 11. *(Sediakan artikel surat khabar tentang apa-apa sahaja dalam lingkungan gangguan seksual hingga rompakkan dengan kekejaman, dan sebagainya. Bacakan ia kepada kumpulan)*
 12. Anda mendapati ada orang yang merompak dan kadang-kadang mencabul orang yang tua dan tidak berdaya untuk mempertahankan diri mereka. Anda mendapati ada orang yang mencabul dan merogol kanak-kanak, dan ada kes di mana ia adalah anak-anak mereka sendiri.
 13. Anda mendapati ada kes perompak yang bukan sahaja mencuri daripada mangsa mereka, tetapi turut mencederakan mereka atau merogol mereka sekiranya mereka adalah perempuan.
 14. Salah satu bahagian yang paling buruk adalah gangguan seksual yang melibatkan rogol dan perbuatan sumbang muhrim. Hal ini nampaknya bakal meningkat kerana anda melihat ia lebih banyak dilaporkan dalam surat khabar pada setiap hari.
 15. Gangguan seksual, terutamanya rogol dan sumbang muhrim, barangkali merupakan salah satu daripada hal-hal yang paling 'kejam' yang boleh berlaku kepada sesiapa sahaja, sama ada lelaki atau perempuan walaupun kebanyakan kes ia melibatkan kaum perempuan.
 16. Kerana kejadian seperti ini semakin meningkat, penting untuk kita

mengetahui isu ini dan tahu bagaimana untuk memberikan respon terhadapnya.

B. Pencabulan

1. Gangguan seksual

- a. Gangguan seksual merujuk kepada mengambil kesempatan ke atas seseorang melalui tindakan yang tidak sesuai secara seksual, tindakan yang berbau seksual atau yang melibatkan aktiviti persetubuhan.
- b. Walaupun sesetengah kes mungkin tidak melibatkan persetubuhan, ia juga boleh menjadi sama traumatik dan kesakitan secara emosi bagi mangsa.
- c. Ia boleh berlaku kepada orang dewasa, kanak-kanak atau remaja. Tetapi kadar kes yang paling tinggi adalah yang melibatkan kanak-kanak dan remaja.
- d. Gangguan seksual boleh terjadi kepada kedua-dua lelaki dan perempuan, walaupun jumlahnya lebih tinggi bagi perempuan.
- e. Di Amerika Syarikat, kajian telah menunjukkan bahawa satu daripada setiap lima orang perempuan dewasa, dan satu daripada setiap sepuluh orang lelaki dewasa, telah didera secara seksual sewaktu zaman kanak-kanak mereka.
- f. Dalam 85-90% daripada kes-kes yang berlaku, pendera adalah seseorang yang dikenali oleh kanak-kanak tersebut seperti bapa, saudara-mara seperti bapa saudara atau sepupu, jiran, rakan, penjaga kanak-kanak, guru dan sebagainya.
- g. Di Malaysia, sekurang-kurangnya 8.3% daripada semua perempuan dan 2.1% daripada semua lelaki telah didera secara seksual atau pernah melalui perbuatan sumbang muhrim ketika zaman kanak-kanak mereka. Ada kemungkinan kadar yang berlaku adalah jauh lebih tinggi daripada apa yang telah dilaporkan.
- h. Banyak kes yang berlaku melibatkan kanak-kanak dan remaja kerana mereka lebih tidak berdaya dan tidak berupaya mendapatkan bantuan untuk apa yang sedang berlaku ke atas mereka. Selalunya gangguan seksual tidak diketahui sehinggalah kanak-kanak ini dewasa, dan mereka lebih sanggup untuk mendedahkan apa yang telah terjadi kepada mereka.
- i. Gangguan seksual selalunya boleh berlaku dalam jangka masa yang panjang tanpa si mangsa melakukan apa-apa terhadapnya. Seringkali mangsa tidak mampu untuk bercakap tentangnya atau untuk mendapatkan bantuan terhadap kesukaran mereka.
- j. Pada pendapat anda, mengapakah ia sedemikian? (*Biar mereka memberikan respon*)

- k. Kadang-kadang, mangsa-mangsa akan berasa seperti mereka memang patut menghadapi apa yang sedang terjadi ke atas diri mereka. Oleh itu, mereka menerima apa yang dilakukan terhadap mereka tanpa melawan kembali.
- l. Seringkali mereka diugut dan ditakutkan agar mereka tidak bercakap tentang apa yang berlaku ke atas mereka.

2. Rogol

- a. Rogol adalah satu bentuk gangguan seksual.
- b. Ia ditakrifkan sebagai mengadakan seks dengan seseorang tanpa kerelaan orang itu. Sekiranya seseorang dituduh kerana rogol, bebannya adalah di atas bahu mangsa untuk membuktikan bahawa dia tidak rela terhadap tindakan seks itu.
- c. Walau bagaimanapun, orang dewasa yang mengadakan seks dengan orang yang belum dewasa (di Malaysia ia merujuk kepada remaja di bawah umur enam belas tahun; di Singapura, di bawah umur empat belas tahun) boleh disabitkan dengan tuduhan rogol (dipanggil rogol berdasarkan undang-undang) biarpun orang yang belum dewasa tersebut merelakan tindakan itu.

3. Perbuatan Sumbang Muhrim

- a. Definisi tradisional tentang perbuatan sumbang muhrim adalah hubungan seksual antara ahli-ahli dalam keluarga yang sama. Apa yang menjadikan hubungan dianggap sebagai sumbang muhrim bergantung kepada budaya.
- b. Secara umum, semua budaya melarang hubungan seksual antara ahli-ahli keluarga seperti ibu bapa, ibu bapa tiri, anak-anak, anak-anak tiri, adik-beradik dan adik-beradik tiri.
- c. Perbuatan sumbang muhrim sekarang dikenali sebagai suatu bentuk gangguan seksual yang lazim dan sebagai sesuatu yang berpotensi untuk mendatangkan kerosakan besar kepada anak tersebut.

C. Pandangan Alkitab

1. Pandangan Allah Terhadap Rogol (Ulangan 22:23-29)

- a. Dalam Perjanjian Lama, hukuman bagi merogol seorang perempuan yang telah bertunang adalah hukuman mati (ayat 25). Tiada hukuman yang dikenakan ke atas mangsa.
- b. Bagi orang-orang Yahudi, telah bertunang hampir sama dengan telah berkahwin. Oleh itu, perogol dianggap telah mencabul isteri lelaki lain. Alkitab menganggap ia sama dengan seseorang yang menyerang dan membunuh jirannya (ayat 26).

- c. Walau bagaimanapun, sekiranya seorang perempuan yang telah bertunang setuju untuk tidur dengan lelaki lain, ia tidak lagi dianggap sebagai rogol dan kedua-duanya harus dihukum mati (ayat 23-24).
- d. Sekiranya seorang perempuan belum bertunang, perogol harus mengahwininya kerana dia telah mencabulnya (ayat 28-29).
- e. Hal ini adalah untuk melindungi perempuan itu kerana jika dia belum mempunyai pelamar, tiada seorang pun yang mahu mengahwininya.
- f. Ini juga kerana apabila dua orang bersetubuh dalam satu hubungan seksual, mereka telah menjadi satu di mata Allah.
- g. Walaupun undang-undang moden berbeza dengan hukum Perjanjian Lama, dan rogol tidak dijatuhi hukuman mati, ia tetap dianggap sebagai suatu jenayah kerana merupakan pencabulan terhadap tubuh seseorang.
- h. Menurut undang-undang, sekiranya anda adalah orang yang belum dewasa dan telah mengadakan seks dengan seseorang yang telah dewasa, ibu bapa anda boleh mendakwa orang itu dengan dakwaan rogol berdasarkan undang-undang.
- i. Dirperkosa merupakan pengalaman yang paling traumatik bagi si mangsa. Orang itu bukan sahaja mempunyai perasaan malu dan hina, tetapi dia juga berasa sangat dicabuli dan 'kotor'. Ia seperti seseorang telah menceroboh jiwa sebenar anda dan memijak keseluruhannya dan mengotorkan bahagian dalaman anda.
- j. Ramai juga yang dihantui perasaan bersalah yang sangat mendalam. Mereka tidak pasti sama ada merekalah yang telah menyebabkannya atau tidak, atau sama ada mereka dapat menghalangi apa yang telah terjadi ke atas mereka.

2. Pandangan Allah Terhadap Perbuatan Sumbang Muhrim

(Imamat 18:1-16; 20:11-12)

- a. Imam memberikan kita satu senarai perhubungan yang dianggap sebagai sumbang dan dilarang.
- b. Pada pendapat anda, mengapakah ia salah mengadakan hubungan seksual dengan salah seorang ahli dalam keluarga? *(Biar mereka memberikan respon)*
- c. Allah menganggap hubungan seperti itu sebagai tidak menghormati ahli keluarga yang terlibat. Ia seperti mendedahkan ketelanjangan seseorang yang telah diikat dengan anda melalui suatu hubungan istimewa iaitu tali persaudaraan.
- d. Kebanyakan budaya mempunyai pantang yang tersendiri tentang hubungan antara saudara-mara rapat yang dilarang.

- e. Dalam kebanyakan budaya, sebarang hubungan seksual dalam kalangan ahli keluarga terdekat, (iaitu antara ibu bapa atau ibu bapa tiri dengan anak-anak; atau antara adik-beradik) dianggap sebagai perbuatan sumbang muhrim.
- f. Di kebanyakan negara, perbuatan sumbang muhrim dianggap sebagai jenayah dan sesiapa yang melakukannya akan didakwa. Di Malaysia, hukuman tidak begitu tegas pada masa ini dan banyak pertubuhan perempuan memperjuangkan untuk hukuman yang lebih tegas. Hal ini kerana kebanyakan kes perbuatan sumbang muhrim dilakukan ke atas anak-anak muda dalam keluarga. Dan dalam hampir kesemua kes, mangsanya adalah perempuan.
- g. Malangnya dalam kebanyakan kes, kanak-kanak tidak berdaya untuk mempertahankan diri dan tidak mampu melindungi diri mereka daripada saudara-mara mereka yang dewasa.
- h. Ramai di antara mereka yang tidak mempunyai keberanian untuk memberitahu ibu mereka atau ahli keluarga lain tentangnya. Pada pendapat anda, mengapakah ia sedemikian? *(Biar mereka memberikan respon)*
- i. Selalunya ini disebabkan oleh kanak-kanak takut akan orang dewasa yang terlibat. Mereka berkemungkinan diugut dengan hukuman dan diberitahu bahawa tiada seorang pun yang akan mempercayai mereka. Mereka juga dipenuhi rasa malu dan bersalah serta keliru sama ada mereka yang bertanggungjawab terhadap apa yang telah berlaku ke atas mereka.
- j. Mereka yang masih terlalu muda mungkin tidak tahu apa yang telah berlaku ke atas mereka kecuali mereka merasakan sesuatu yang buruk telah berlaku kepada mereka. Oleh yang demikian, mereka tidak sanggup untuk memberitahu sesiapa tentangnya kerana takut dimarah atau dihukum.

C. Penjenayah Seks

- a. Siapakah pencabul/pendera dan orang yang berpotensi untuk menjadi seorang pencabul? *(Beritahu mereka bahawa anda akan membataskan perbincangan kepada gangguan seksual kanak-kanak dan remaja, dengan gangguan seksual yang meliputi kedua-dua rogol dan perbuatan sumbang muhrim sahaja)*
- b. Kajian menunjukkan bahawa penjenayah seks mempunyai sifat-sifat umum tertentu. Kebanyakan mereka terlalu bergantung kepada orang lain (dependen) dan mempunyai rasa harga diri yang rendah. Kebanyakan mereka berasal daripada keluarga yang retak/berpecah dan tidak berfungsi dengan baik di mana mereka mungkin terbiar atau ditolak, dieksploitasi, dan ramai juga antara mereka yang pernah dicabul atau didera secara

seksual.

- c. Majoriti penjenayah seks adalah lelaki walaupun tidak semua. Suatu kajian menunjukkan bahawa 95% daripada pendera perempuan adalah lelaki dan 80% daripada pendera lelaki juga adalah lelaki!
- d. Mereka datang dalam pelbagai bentuk dan saiz daripada semua latar belakang, dari yang miskin hingga yang kaya. Peluang adalah besar bagi mangsa mengenali si pencabul.
- e. Bagaimana anda dapat mengelakkan atau menghindari daripada diganggu secara seksual ataupun mengelakkan kanak-kanak daripada diganggu secara seksual? (*Biar mereka memberikan respon*)
- f. Kanak-kanak harus diajar sejak kecil oleh ibu bapa mereka untuk tidak membenarkan sesiapa pun menyentuh bahagian sulit mereka.
- g. Mereka harus diberitahu untuk memberitahu ibu bapa mereka dengan segera sekiranya ada sesiapa yang meminta untuk menyentuh mereka atau sekiranya mereka telah disentuh oleh sesiapa pun.
- h. Anda harus dengan serta-merta memberitahu ibu bapa atau orang yang berkuasa sekiranya ada orang mengeluarkan kata-kata yang berunsur gangguan seksual terhadap anda; atau sekiranya anda mendapati mereka seringkali cuba untuk mendekati anda, atau menyentuh anda secara langsung mahupun secara tidak langsung.
- i. Anda harus jangan berasa takut biarpun sekiranya orang itu adalah seseorang yang berkuasa ke atas anda. Ramai kanak-kanak yang takut bahawa mereka tidak akan dipercayai. Mereka juga takut akan diketawakan atau dimarah. Cari seseorang yang anda kenali dan yakin boleh dipercayai untuk memberitahu mereka apa yang telah berlaku.
- j. Sesetengah penjenayah seks bermula dengan cuba mendapatkan kepercayaan dan keyakinan mangsa-mangsa mereka. Mereka akan memberikan mangsa mereka sepenuh perhatian dan pemahaman terutamanya sekiranya kanak-kanak ini menghadapi saat-saat kesukaran. Kemudian kanak-kanak akan menjadi lebih mudah untuk diselesaikan dan disentuh oleh mereka. Oleh itu, berhati-hati apabila anda berpaling kepada orang yang lebih tua daripada anda untuk mendapatkan kasih sayang dan perhatian. Jauhi mereka sekiranya mereka mula mendekati anda secara fizikal.
- k. Tidak mudah untuk keluar dari trauma gangguan seksual dan terlepas daripadanya tanpa kesan kerosakan emosional. Kira-kira 40% daripada mangsa gangguan seksual menderita kesan

serius selepas kejadian yang memerlukan terapi atau bantuan profesional semasa mereka meningkat dewasa.

- l. Beberapa kesan selepas kejadian adalah: susah untuk mempercayai, takut untuk menjadi rapat, kemurungan, rendah keyakinan diri, rasa bersalah, mengasingkan diri daripada orang lain, malu, beralih kepada dadah dan alkohol, gangguan pemakanan, dan berkecenderungan untuk membunuh diri.
- m. Ramai lelaki yang sembuh daripada gangguan seksual menghadapi kekeliruan terhadap identiti seksual mereka. Mereka merasakan diri mereka tidak cukup sebagai seorang lelaki, atau takut penderaan dan gangguan itu akan menyebabkan mereka menjadi homoseksual.
- n. Mereka yang mengalami trauma seperti itu harus cuba mencari bantuan bagi masalah mereka.
- o. *(Suruh para peserta atau sesiapa yang mereka kenal untuk mendapatkan bantuan daripada anda atau mana-mana orang dewasa lain yang bertanggungjawab secepat mungkin sekiranya mereka terperangkap dalam situasi seperti itu)*
- p. *(Terangkan bahawa oleh kerana gangguan seksual terutamanya yang melibatkan kanak-kanak dan remaja merupakan suatu jenayah yang berat, mereka harus peka terhadap apa yang sedang berlaku dalam kawasan kejiranan atau dalam masyarakat mereka. Sekiranya mereka mengesyaki bahawa ada sesuatu yang tidak kena, mereka harus memberitahunya kepada ibu bapa, guru-guru atau pihak berkuasa dengan segera)*
- q. *(Ada beberapa hal yang boleh dilihat terutamanya pada kanak-kanak, ialah kesan-kesan lebam atau kebengkakan pada alat kelamin, bantahan yang tegas apabila ditinggalkan bersendirian dengan seseorang, menjauhkan diri, mimpi buruk atau kencing malam, perubahan sikap yang mendadak, dan sebagainya)*



Doa

Biar mereka membentuk satu bulatan besar. Minta mereka memikirkan tentang mangsa-mangsa gangguan seksual dan percabulan. Suruh mereka berdoa agar Tuhan mencurahkan kasih dan belas kasihan-Nya ke atas para mangsa dan membantu mereka untuk pulih tanpa mengalami kesan selepas kejadian yang serius. Galakkan para peserta untuk berdoa untuk diri mereka sendiri agar Dia akan melihat dan melindungi mereka daripada sebarang kejadian-kejadian yang tidak diingini. Berdoa juga agar mereka akan belajar untuk mempunyai jiwa yang berbelas kasihan terhadap orang yang menderita disebabkan pengalaman seperti itu.

Sesi 5 : AIDS: Amaran Untuk Semua



Objektif-Objektif Sesi

1. Memeriksa semula apa yang mereka tahu tentang AIDS dan adakah mereka mempunyai sebarang kesalahan konsep tentangnya.
2. Mempelajari apa itu AIDS dan bagaimana ia disebarkan.
3. Mengetahui bagaimana Yesus memberikan respon terhadap pesakit-pesakit kusta dan bagaimana kita merespon kepada pesakit AIDS.
4. Menampilkkan idea tentang satu projek untuk membantu membentuk kesedaran terhadap AIDS.



Pencetus Minat/Aktiviti Bersama

1. Bahagikan mereka dalam kumpulan yang terdiri dari 4-5 orang.
2. Suruh mereka berbincang bersama dan catatkan semua yang mereka tahu tentang AIDS.
3. Kemudian suruh seorang daripada setiap kumpulan untuk berkongsi hasil dapatan mereka.
4. Tulis butiran-butiran mereka di papan tulis.
5. Setelah semua orang selesai, semak semula setiap butiran dan tanya sama ada mereka tahu fakta atau kesalahan konsep tentang AIDS. Tulis 'S' untuk 'salah' atau 'B' untuk 'betul' di sebelah setiap butiran.
6. Tanya mereka sama ada mereka tahu sebarang mitos atau kesalahan konsep tentang AIDS.
7. Tambahkan beberapa kesalahan konsep umum yang berikut di papan tulis jika mereka belum menyatakannya.
 - Anda boleh mendapat AIDS melalui sentuhan mudah seperti berjabat tangan atau berkongsi perkakas untuk makan.
 - AIDS adalah hukuman daripada Allah.
 - Anda tidak boleh mendapat AIDS dengan penggunaan kondom dalam hubungan seks.
 - Anda harus menjauhkan diri daripada pesakit AIDS kerana virus AIDS mudah berjangkit.
 - Mengamalkan 'seks yang selamat' dapat mencegah diri anda daripada mendapat AIDS.
 - *Human Immunodeficiency Virus* atau HIV adalah penyebab kematian pesakit AIDS.



Renungan Firman Tuhan

A. Pengenalan

1. Singkatan perkataan agak sering digunakan dalam bahasa seharian kita. Ia adalah cara yang sesuai untuk memendekkan perkataan agar kita tidak perlu menulis atau menyebut keseluruhan perkataan, lebih-lebih lagi sekiranya ia terlalu panjang.
2. *(Suruh mereka menyatakan singkatan perkataan yang sering digunakan)*
3. Terdapat pelbagai cara perkataan dipendekkan. Ada perkataan yang dipendekkan dengan menggunakan satu huruf sahaja, contohnya 'M' untuk Tahun Masehi.
4. Perkataan lain dipendekkan dengan penggunaan beberapa huruf, contohnya, 'Dr.' untuk 'doktor', 'dll' untuk 'dan lain-lain'.
5. Dalam hal-hal lain, terdapat rangkaian perkataan yang dipendekkan kepada huruf permulaannya sahaja. Huruf-huruf ini kemudiannya akan membentuk perkataan baru. Hal ini dipanggil 'akronim'.
6. Sebagai contoh, perkataan 'laser' sebenarnya adalah akronim. Ia sangat sering digunakan sehingga orang tidak sedar bahawa ia sebenarnya telah dipendekkan daripada suatu siri perkataan. *(Tanya sama ada sesiapa yang tahu ia mewakili apa atau tidak)*
7. LASER sebenarnya mewakili *Light Amplification by Stimulated Emission of Radiation*.
8. *(Pastikan mereka memberikan contoh-contoh lain)*
9. Akronim lain yang seringkali digunakan ialah 'AIDS'. Apakah yang diwakili oleh 'AIDS'? *(Biar mereka memberikan respon)*
10. AIDS mewakili *Acquired Immune Deficiency Syndrome* atau sindrom kekurangan daya tahan penyakit.
11. Apakah AIDS? *(Biar mereka memberikan respon)*
12. Secara umumnya, ia adalah penyakit yang menyerang sistem pertahanan/immunisasi badan, iaitu sistem yang melindungi badan daripada penyakit dan kuman. *(Beritahu mereka bahawa anda akan kembali kepada jawapan mereka nanti)*
13. Oleh kerana AIDS telah tersebar luas, penting bagi kita untuk belajar lebih banyak tentangnya agar kita tahu bagaimana kita boleh memberikan respon terhadapnya, termasuklah terhadap orang yang menghidapinya.
14. Hal inilah yang akan kita bincangkan dalam sesi hari ini.

B. AIDS

1. Sebab-sebab

- a. AIDS adalah penyakit yang disebabkan oleh HIV atau *Human*

Immunodeficiency Virus.

- b. Pada masa ini, AIDS adalah penyebab kematian nombor lima untuk golongan orang yang berumur antara 25 dan 44 tahun di Amerika Syarikat. Kira-kira 47 juta orang di seluruh dunia (bermula dari 2002) telah dijangkiti HIV sejak bermulanya pandemik ini. Pandemik bermaksud berjangkit melalui manusia.
- c. Pada tahun 2009 sahaja, ada 33.3 juta orang pembawa HIV, dengan 2.6 juta pesakit baru dan 1.8 juta orang meninggal dunia kerana AIDS setiap tahun!
- d. Bilakah pandemik AIDS bermula? (*Biar mereka memberikan respon*)
- e. Kes pertama AIDS telah berlaku di USA pada 5 Jun 1981 dalam 5 orang homoseksual di Los Angeles. Sumber penyakit ini tidak diketahui. Sampai sekarang masih terdapat perdebatan tentang sumber penyakit ini dan dari mana ia berasal.
- f. Saintis percaya bahawa HIV telah muncul lebih awal daripada itu. Ada yang berpendapat bahawa virus HIV datang daripada sejenis monyet yang ditemui di Afrika.
- g. Walaupun kita mungkin tidak pernah tahu bila dan di mana sebenarnya virus ini mula-mula muncul, apa yang jelas adalah dalam pertengahan abad ke-20, jangkitan HIV pada manusia meluas menjadi wabak pandemik yang tersebar ke seluruh dunia.
- h. AIDS mula muncul di Malaysia pada 1986 dan di Singapura pada 1985.
- i. Virus ini menyerang sistem pertahanan badan dan menyebabkan ia tidak kebal terhadap pelbagai jenis penyakit yang mengancam nyawa termasuk kanser.
- j. Bahkan bakteria biasa, yis, parasit dan virus biasa yang biasanya tidak menyebabkan penyakit serius kepada orang yang memiliki sistem daya tahan penyakit yang sihat, juga boleh menyebabkan penyakit yang membawa maut untuk pesakit AIDS.
- k. Jangkitan lain inilah yang lebih membunuh pesakit berbanding virus AIDS itu sendiri.

2. Penyebaran

- a. HIV telah ditemui di dalam cecair badan seperti air liur, air mata, tisu sistem saraf, darah, air mani, cecair dari faraj dan susu badan.
- b. Walau bagaimanapun hanya darah, air mani, cecair dari faraj dan susu badan yang telah terbukti menyebar jangkitan kepada orang lain.
- c. AIDS disebarkan melalui sentuhan langsung dengan keempat-empat jenis cecair badan daripada penghidap lelaki atau

perempuan melalui cara-cara berikut:

- Perhubungan seksual.
 - Darah – melalui pemindahan darah atau perkongsian jarum.
 - Daripada ibu kepada anak – ibu mengandung boleh memindahkan virus secara pasif kepada janin dalam rahim, semasa bersalin atau melalui penyusuan badan.
- d. Kaedah penyebaran lain jarang berlaku dan melibatkan kecederaan melalui penyuntikan secara tidak sengaja, penanaman janin melalui air mani atau organ yang didermakan.
- e. Jangkitan HIV tidak disebarkan melalui sentuhan kasual seperti pelukan dan sentuhan, menyentuh pinggan-mangkuk atau tempat duduk di tandas, atau melalui gigitan nyamuk.
- f. Pada pendapat anda, siapakah golongan yang berisiko? (*Biar mereka memberikan respon*)
- g. Mereka yang berisiko tinggi adalah:
- Lelaki homoseksual dan biseksual yang melakukan seks tanpa perlindungan.
 - Pengguna dadah suntikan yang berkongsi jarum.
 - Orang yang terlibat dalam aktiviti berisiko tinggi seperti mengunjungi pelacur, mempunyai pasangan berganda, dan sebagainya.
 - Pasangan seksual yang terlibat dalam aktiviti berisiko tinggi seperti yang dinyatakan di atas.
 - Bayi-bayi yang dilahirkan oleh ibu yang positif HIV.
 - Orang yang menerima pemindahan darah yang telah dijangkiti sebelum 1985 (pihak penguasa kesihatan belum lagi memulakan ujian darah bagi HIV sebelum tahun 1985).
- h. AIDS bermula dengan jangkitan HIV. Orang yang dijangkiti HIV mungkin tidak menunjukkan sebarang simptom sehingga sepuluh tahun. Walau bagaimanapun, sepanjang tempoh ini mereka boleh menyebarkan virus ini kepada orang lain.
- i. Pada waktu yang sama, sistem daya tahan penyakit mereka mula menjadi lemah dengan perlahan-lahan sehingga mereka didiagnosis menghadapi AIDS. Kebanyakan individu yang dijangkiti HIV akan menjadi pesakit AIDS sekiranya tidak dirawat. Walau bagaimanapun, terdapat sejumlah kecil pesakit yang lambat atau langsung tidak menghadapi AIDS.

3. Simptom-simptom

a. Peringkat 1: Tiada Simptom

- i. Pada peringkat pertama jangkitan HIV, tiada simptom yang dikesan. Orang boleh hidup dengan HIV untuk bertahun-tahun tanpa mengetahuinya.

- ii. Ujian darah hanya akan menunjukkan antibodi selepas tiga bulan. Itu bermaksud sekiranya seseorang menjalankan ujian darah selepas dijangkiti, contohnya selepas mengadakan seks dengan seseorang yang menghadapi AIDS, virus tidak akan dapat dikesan sehingga selepas tiga bulan.

b. Peringkat 2: Sakit Ringan

- i. Pada peringkat ini, virus membesar di dalam sel darah putih dan memusnahkannya. Ini akan melemahkan sistem daya tahan penyakit dan menyebabkan orang itu menghadapi AIDS secara perlahan-lahan.
- ii. Ada simptom yang mungkin dalam bentuk keletihan atau penyusutan berat badan. Orang itu mungkin akan mengalami batuk-batuk, cirit-birit, demam, kesejukan atau berpeluh pada waktu malam.
- iii. Simptom-simptom ini merupakan permulaan hasil jangkitan yang biasanya tidak dihadapi oleh individu dengan sistem daya tahan penyakit yang sihat. Ini dipanggil 'jangkitan bersifat oportunist'.

c. Peringkat 3: Sakit Teruk

- i. Pada peringkat ini, HIV sudah hampir memusnahkan sistem daya tahan penyakit badan.
- ii. Sekarang badan menghadapi kesukaran untuk melawan kuman.
- iii. Pesakit juga akan menghadapi jenis kanser yang jarang dihadapi yang dipanggil Sarkoma Kaposi.
- iv. AIDS tidak membunuh sesiapa. Jangkitan dan kanser itulah yang membunuhnya.

4. Pencegahan

- a. Tiada ubat penawar untuk AIDS pada masa ini. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa rawatan yang boleh melambatkan perkembangan penyakit dan memulihkan kualiti kehidupan bagi mereka yang mengalami simptom-simptom.
- b. Maka, pilihan paling baik adalah pencegahan.
- c. *(Suruh mereka mencadangkan cara-cara bagaimana orang boleh melindungi diri mereka daripada mendapat AIDS)*
- d. Orang ramai harus diajarkan hal-hal berikut:
 - i. Mereka tidak seharusnya mengadakan seks dengan:
 - Orang yang diketahui atau disyaki dijangkiti AIDS.
 - Pasangan seks yang lebih dari satu.
 - Orang yang mempunyai ramai pasangan seks.

- Orang yang menggunakan dadah IV (intravena), iaitu mereka yang menyuntik dadah ke dalam saluran darah mereka
- ii. Mereka tidak seharusnya berkongsi jarum atau picagari dengan orang yang menggunakan dadah intravena.
- iii. Mereka harus mengelakkan diri daripada terdedah kepada darah dari luka atau hidung berdarah orang yang disyaki menghidap AIDS.
- iv. Sesiapa yang diuji positif untuk HIV tidak seharusnya menderma darah, plasma, organ-organ tubuh atau sperma.
- v. Mereka juga harus mengingatkan mana-mana pasangan seksual mereka tentang status positif HIV mereka.
- vi. Mereka tidak boleh menganggap bahawa amalan 'seks yang selamat' seperti menggunakan kondom akan berjaya 100% dalam mengelakkan jangkitan HIV. Ia mungkin berkesan tetapi tetap berisiko.
- vii. Penahanan diri atau 'tiada seks' merupakan satu-satu cara yang pasti untuk mengelakkan jangkitan HIV melalui seksual.
- viii. Perempuan yang positif HIV harus diberikan kaunseling tentang risiko kepada janin dalam kandungan sebelum mengandung.
- ix. Ibu-ibu yang positif HIV tidak seharusnya memberikan susu badan.

C. Respon

1. Sebagai orang Kristian, apakah respon peribadi anda terhadap masalah AIDS? (*Biar mereka memberikan respon*)
2. Sekiranya anda tidak mahu mendapat AIDS, anda harus jauhi sebarang hubungan seksual di luar perkahwinan.
3. Walaupun orang Kristian tahu bahawa Allah melarang mereka melakukan seks di luar hubungan perkahwinan, tidak semua orang Kristian mengikutinya. Godaan dan tekanan untuk melakukannya begitu kuat kerana semua orang di sekeliling mereka melakukannya dan mereka sendiri berpendapat tiada salahnya untuk melakukannya.
4. Pada masa kini, ketakutan mendapat AIDS membuatkan terutamanya anak-anak muda terutamanya menjadi lebih berhati-hati tentang dengan siapa mereka tidur.
5. Sebagai orang Kristian, takut pada Allah harus menjadi perkara pertama sebelum takut pada AIDS. Ini akan dapat mengelakkan anda untuk mengadakan seks di luar perkahwinan.
6. Bagaimana kita harus memberikan respon kepada mereka yang dijangkiti AIDS?

Apa yang Harus Anda Lakukan?

- i. Biar mereka dalam kumpulan masing-masing.
- ii. Kemukakan situasi berikut kepada mereka untuk dibincangkan:

Bayangkan terdapat khabar angin bahawa sekolah anda telah menerima masuk seorang pelajar lelaki yang mempunyai AIDS. Adakah anda

- Mahu dia masuk ke kelas anda?
- Membenarkannya duduk di sebelah anda?
- Mengajak dia untuk pergi ke gereja atau kumpulan belia anda?

Berikan alasan bagi jawapan anda.

- iii. Minta mereka untuk jujur dalam perkongsian pendapat dan perasaan mereka.
- iv. Kemudian, tanya salah seorang daripada setiap kumpulan untuk berkongsi sedikit pendapatnya tentang apa yang telah dibincangkan dalam kumpulan mereka.

7. Walaupun kita tahu fakta tentang AIDS, ia tetap sukar untuk menghindari ketakutan yang bersangkutan dengan penyakit ini, bukan? *(Sekiranya para peserta secara umumnya mempunyai pandangan positif terhadap pesakit AIDS, anda boleh mengubah pertanyaan tersebut)*. Ramai orang yang prejudis terhadap AIDS.
8. Ada juga orang Kristian yang merasakan bahawa AIDS adalah hukuman daripada Allah, terutamanya terhadap masyarakat homoseksual. Hal ini kerana kejadian kes AIDS yang tinggi dalam kalangan orang homoseksual memandangkan HIV boleh disebarkan melalui seks anal (dubur). Oleh yang demikian, ramai di antara mereka yang memandang orang-orang yang menghidap AIDS adalah orang-orang berdosa yang memang patut mendapatnya. Mereka bukan sahaja mengutuk tetapi mereka turut mengelakkan daripada bersentuhan dengan pesakit-pesakit AIDS.
9. Walaupun tiada rujukan langsung tentang AIDS di dalam Alkitab, terdapat satu penyakit berjangkit yang lazim dihidapi pada zaman Yesus yang menimbulkan reaksi yang sama daripada orang-orang Yahudi. *(Tanya mereka kalau mereka tahu penyakit tersebut)*
10. Penyakit itu adalah penyakit kusta *(walaupun perkataan yang digunakan untuk 'kusta' juga meliputi semua jenis penyakit kulit yang lain)*. Sesiapa yang menghidap kusta akan dibuang daripada masyarakat dan disuruh memakai pakaian yang berbeza. Setiap kali mereka mendekati orang lain, mereka harus membunyikan

loceng sambil berkata “tidak bersih/najis” agar orang lain boleh mengelakkan bersentuhan dengan mereka.

11. Penghidap penyakit kusta merupakan orang buangan sosial. Dan dalam banyak perkara, ia sama dengan pesakit-pesakit AIDS. Oleh kerana ramai orang mempunyai pandangan yang salah tentang penyakit ini dan tentang cara ia disebarkan, mereka tidak melihat pesakit kusta dengan pandangan yang baik dan mereka menjauhi orang-orang seperti itu.
12. Mari kita lihat bagaimana respon Yesus terhadap orang yang dijauhi masyarakat.

Apa Kata Alkitab?

- i. Suruh mereka membuka Markus 1:40-42 dan Roma 8:35-39.
- ii. Suruh mereka menyatakan reaksi Yesus terhadap orang yang menghidapi penyakit kusta dan bandingkannya dengan respon orang-orang Yahudi pada masa itu.
- iii. Pastikan mereka berbincang tentang bagaimana petikan ini dapat diaplikasikan dalam isu AIDS.
- iv. Minta seorang daripada setiap kumpulan untuk berkongsi hasil perbincangan mereka.
- v. Kemudian ringkaskan seperti berikut:

1. Respon Yesus

- a. Sama ada ia merupakan sebahagian daripada hukum Imamah orang Yahudi atau tidak, kebanyakan orang akan mengelak daripada menghampiri atau menyentuh seseorang yang mempunyai penyakit berjangkit.
- b. Tetapi Yesus tidak pernah menghadapi masalah untuk menghampiri orang seperti itu.
- c. Paulus memberitahu kita (Roma 8:35-39) bahawa tiada apa-apa yang boleh memisahkan kita daripada kasih Kristus. Ini termasuk penyakit berjangkit seperti penyakit kusta atau AIDS.
- d. Orang takut untuk menghampiri pesakit kusta. Tetapi Yesus tidak mempunyai masalah biarpun dengan menyentuh orang yang dijangkiti (Markus 1:40-41). Alkitab memberitahu kita bahawa Yesus dipenuhi dengan perasaan belas kasihan terhadap orang yang menghidap penyakit kusta dan Dia menjamah mereka.
- e. Pada pendapat anda, sekiranya Yesus hidup di bumi pada hari ini, bagaimanakah Dia akan memberikan respon terhadap orang yang menghidap AIDS? (*Biar mereka memberikan respon*)
- f. Kemungkinan besar Dia akan bergerak bebas di antara mereka, menunjukkan kasih dan prihatin-Nya. Dia tidak akan pernah menghindari atau mengutuk mereka. Dia tidak akan setuju dengan gaya hidup yang menyebabkan mereka dijangkiti AIDS,

tetapi Dia tidak pernah berhenti untuk mengasihi dan menerima mereka. (*Suruh mereka rujuk Yohanes 8:1-11*)

2. Respon Anda

- a. Bagaimana pula dengan anda? Apa respon anda? (*Rujuk pada apa yang telah mereka kongsiikan sebentar tadi*)
- b. Kita harus belajar untuk mengasihi dan menerima pesakit-pesakit AIDS sama seperti Tuhan mengasihi dan menerima mereka.
- c. Kita tidak seharusnya menolak mereka disebabkan prejudis kita dan semua fakta tidak benar yang kita peroleh daripada orang yang prejudis terhadap mereka, terutamanya terhadap gaya hidup mereka yang penuh dosa.
- d. Walaupun kita tidak setuju dengan gaya hidup yang dijalankan oleh kebanyakan mereka yang menghidap AIDS, mereka masih perlu mendengar firman Kristus dan melihatnya hidup dalam kehidupan kita.
- e. Yesus juga telah mati untuk orang-orang ini. Oleh yang demikian, kita harus membantu mereka dan berkawan dengan mereka apabila peluang itu datang. Kita tidak akan dijangkiti AIDS dengan sentuhan kasual, kecuali kalau kita terlibat dalam hubungan seksual dengan mereka!
- f. Sudah ramai orang yang menghidap AIDS berasa diri mereka ditolak. Mereka perlu merasa kasih dan penerimaan daripada gereja kerana itulah yang kita khutbahkan, bukan?
- g. Selain daripada itu, apa yang penting adalah kita menerima kanak-kanak yang menghidap AIDS, bahkan kanak-kanak yang dijangkiti AIDS daripada ibu bapa mereka. Ramai daripada kanak-kanak ini yang membesar dengan dihindari oleh orang-orang di sekeliling mereka termasuklah saudara-mara mereka sendiri.
- h. Hal ini sangat penting terutamanya di negara-negara Asia Tenggara di mana orang-orangnya masih mempunyai tanggapan yang salah tentang penyakit ini dan sangat prejudis terhadap pesakit AIDS. Mereka tidak rasa bersalah dalam menghindari walaupun kanak-kanak kecil demi perlindungan dan keselamatan mereka.



Doa

Suruh mereka mendoakan projek yang bakal mereka lakukan agar Tuhan akan menggunakannya untuk membantu orang lain mengetahui lebih banyak tentang AIDS. Galakkan mereka untuk lebih bersimpati terhadap orang-orang yang menghidapi penyakit tersebut.

Sesi 6: Bunuh Diri: Penamat Jalan?



Objektif-Objektif Sesi

1. Memikirkan mengapa orang berniat untuk membunuh diri.
2. Mengetahui bagaimana pandangan Allah tentang pengambilan nyawa seperti itu.
3. Menampikan situasi di mana bunuh diri dilakukan dan mempertimbang bagaimana untuk berhadapan dengannya.



Pencetus Minat

Lemparan Membunuh (10-15 minit)

(Diperlukan: Bola suratkhobar, jaluran kain atau tali)

1. Tujuan aktiviti ini adalah untuk 'membunuh' pasangan lain dan keluar sebagai pemenang.
2. Suruh setiap peserta mencari pasangan masing-masing.
3. Edarkan satu jaluran kain atau tali kepada setiap pasangan. Mereka harus mengikat buku lali mereka dengan pasangan mereka.
4. Sediakan bola lembut, belon atau bola suratkhobar.
5. Terangkan bahawa tujuan permainan adalah untuk 'membunuh' pasangan lain dengan melemparkan bola ke arah mereka. Sesiapa yang terkena bola yang dilempar dianggap 'mati' dan tidak lagi dibenarkan untuk bergerak.
6. Orang yang 'mati' harus duduk di lantai. Pasangan yang belum 'mati' akan meneruskan permainan tetapi pergerakannya sekarang akan terbatas disebabkan oleh pasangannya yang telah 'mati'.
7. Tiada sesiapa pun yang boleh menangkap bola ketika ia sedang bergerak. Ia hanya boleh dikutip setelah ia telah jatuh ke lantai.
8. Pasangan terakhir yang berjaya untuk terus 'hidup' adalah pemenang.
9. Mulakan permainan dengan melemparkan bola ke udara dan biarkan pasangan-pasangan merebutkan bola tersebut setelah ia jatuh ke lantai.



Renungan Firman Tuhan

A. Pengenalan

1. Pasti menyeronokkan kerana dapat 'membunuh' lawan anda, bukan? *(Biar mereka memberikan respon)*
2. Adakah antara anda yang mahu berakhir dengan 'membunuh' diri sendiri dan membiarkan orang lain menang? *(Biar mereka*

memberikan respon)

3. Secara semula jadinya, tiada di antara anda yang gila untuk melakukannya kecuali jika anda mahu menyerahkan nyawa anda kepada pihak lawan!
4. Sama juga dengan kehidupan sebenar. Kejadian orang membunuh orang lain lebih banyak daripada orang yang membunuh diri.
5. Kebanyakan kita mempunyai perasaan sayang akan diri sendiri untuk melindungi diri kita daripada bahaya, bukan?
6. Walau bagaimanapun, terdapat situasi di mana orang mahu menamatkan kehidupan mereka sendiri dengan melakukan apa yang dipanggil sebagai bunuh diri.
7. Kadar bunuh diri semakin meningkat di Asia terutamanya di kalangan kanak-kanak sekolah rendah dan remaja.
8. Pada pendapat anda, mengapakah ini berlaku? *(Biar mereka memberikan respon)*
9. Satu sebab utama adalah kanak-kanak dan remaja di rantau ini menghadapi tekanan yang berat daripada keluarga mereka untuk belajar bersungguh-sungguh dan melakukan yang terbaik dalam pelajaran mereka.
10. Di beberapa bandar besar, sekiranya ibu bapa mahu anak-anak mereka memasuki tadika yang berprestij, mereka harus menempah tempat itu dengan segera sejurus selepas anak-anak mereka lahir!
11. Di kebanyakan tempat, kanak-kanak harus mengambil peperiksaan kemasukan sebelum mereka diterima masuk ke dalam tadika yang mereka pilih. Ramai kanak-kanak yang sudahpun menghadiri kelas-kelas tuisyen ketika mereka masih berada di bangku tadika. Jadi tidak mengejutkan kalau ada ramai kanak-kanak yang begitu tertekan dan sesetengahnya sanggup menamatkan kehidupan mereka.
12. Kita mahu membincangkan isu bunuh diri dalam sesi ini dan melihat bagaimana kita harus memberikan respon terhadapnya sebagai umat Allah.

B. Nilai Kehidupan

1. Kehidupan Anda Bukan Milik Anda

(Kejadian 5:1-2; 1 Korintus 6:19-20; Ulangan 32:39)

- a. Bayangkan satu objek atau seekor haiwan peliharaan. Siapakah yang berhak untuk memutuskan apa yang harus dilakukan ke atasnya? *(Biar mereka memberikan respon)*
- b. Hak itu harus menjadi milik orang yang membuatnya, yang membelinya atau yang memilikinya. Pemiliknyalah yang harus mempunyai hak memandangkan ia adalah miliknya.
- c. Sekiranya itu adalah haiwan, adakah ia mempunyai hak untuk

mengambil keputusan bahawa ia tidak menyukai tuannya sendiri dan pergi untuk mencari tuan yang lain? (*Biar mereka memberikan respon*)

- d. Sama dengan kehidupan kita. Adakah kehidupan kita merupakan milik kita? (*Biar mereka memberikan respon*)
- e. Kita mungkin akan berfikir ia adalah milik kita dan kita mempunyai hak untuk melakukan apa-apa yang kita inginkan terhadap kehidupan kita. Walau bagaimanapun, jika kita melihat Alkitab, kita akan mendapati bahawa Alkitab memberitahu kita yang sebaliknya.
- f. Kita bukan milik kita. Kehidupan kita bukan milik kita kerana kita mempunyai tuan yang mempunyai tuntutan terlebih dahulu ke atas kehidupan kita.
- g. Sebab pertama yang dinyatakan oleh Alkitab adalah Allah yang menjadikan manusia - lelaki dan perempuan - menurut rupa-Nya (Kejadian 5:1-2). Dia mencipta kita dan oleh yang demikian, kita adalah kepunyaan-Nya. Kita tidak mempunyai tuntutan terlebih dahulu ke atas kehidupan kita kerana kita tidak bertanggungjawab ke atas kewujudan kita. Allah adalah Pencipta kita dan oleh itu, Dia adalah Pemilik atau Tuan kita.
- h. Sebab kedua adalah kita telah ditebus dengan suatu harga yang besar – kematian Kristus di kayu salib. Paulus berkata bahawa oleh kerana harga yang dibayar oleh Kristus untuk menebus kita daripada kematian, kita sekarang merupakan milik Allah (1 Korintus 6:19-20). Allah Roh Kudus sendiri tinggal di dalam diri kita.
- i. Paulus berkata sebab itulah kita harus memuliakan Allah dengan tubuh kita. Walaupun konteksnya merujuk kepada memastikan tubuh kita suci secara seksual, ia juga mempunyai makna yang luas dalam hal memuliakan Allah melalui pelbagai cara dengan menggunakan tubuh kita.
- j. Menamatkan kehidupan kita, tidak kira apapun alasannya, adalah sesuatu yang tidak memuliakan Allah. Kerana ia adalah satu kehidupan yang dijadikan Allah dan Kristus telah mati untuknya.
- k. Ia juga merupakan sesuatu yang kita tiada hak untuk melakukannya kerana kita tidak memiliki kehidupan kita – Allah yang memilikinya. Hanya Allah yang boleh memberikan kata putus tentang hal kehidupan dan kematian (Ulangan 32:39).
- l. Bahkan orang bukan Kristian dan yang tidak percaya bahawa Kristus telah mati untuk mereka, juga dapat dihadapkan dengan kenyataan bahawa Allah telah mencipta dan memberikan mereka kehidupan. Mereka juga tidak mempunyai hak untuk memusnahkan kehidupan yang Allah telah ciptakan tidak kira

betapa buruknya kehidupan yang mereka jalani.

2. Anda Berhak untuk Hidup (Kejadian 9:4-6; Keluaran 20:13)

- a. Orang yang mahu menamatkan kehidupan mereka harus berhadapan dengan kenyataan bahawa mengambil nyawa adalah pembunuhan, sama ada itu nyawa orang lain ataupun nyawa mereka sendiri.
- b. Di mata Allah, kehidupan adalah kehidupan. Dan Allah melarang kita daripada menamatkan kehidupan (Keluaran 20:13).
- c. Dalam Kejadian 9, Allah memberitahu Nuh dan keluarganya dengan sangat jelas bahawa sesiapa yang mengalirkan darah orang lain akan dihukum Allah (Kejadian 9:4-6).
- d. Oleh kerana Allah menjadikan manusia menurut rupa-Nya, penamatan kehidupan diambil sangat serius oleh Allah. Ia menamatkan apa yang Allah telah jadikan untuk menjadi seperti-Nya.
- e. Hanya Allah yang berhak untuk memberi dan mengambil nyawa. Apabila kita dianugerahi kehidupan, kita bertanggungjawab untuk menjalani kehidupan kita sehingga Allah mengambil keputusan untuk menamatkannya.
- f. Hak kita sebagai manusia yang dicipta Allah adalah hak untuk hidup, bukan hak untuk memilih untuk mati. Itu adalah pilihan Allah, bukan kita.
- g. Allah akan menganggap kita telah melakukan pembunuhan sekiranya kita menamatkan kehidupan kita. Kita akan menghadapi penghakiman Allah apabila kita berdepan dengan-Nya, sama seperti mereka yang akan menghadapi-Nya kerana melakukan pembunuhan.

3. Kehidupan Anda Berharga bagi Allah

(Yesaya 49:14-16; Yeremia 29:11-13)

- a. Tidak kira apapun yang anda hadapi dalam kehidupan ini, ingatlah selalu bahawa Allah mengasihi anda. Setiap kita berharga buat-Nya – jika tidak, mengapa Dia memberikan nyawa Anak-Nya sebagai ganti untuk anda?
- b. *(Baca di dalam Yesaya 49:14-16)*
- c. Tiada gunanya membunuh diri. Tiada apa yang begitu buruk untuk dibantu dan diselamatkan oleh Allah. Dia berjanji kepada kita melalui Firman-Nya bahawa Dia adalah batu dan kubu kita, penyelamat di saat-saat kita menghadapi kesukaran.
- d. Allah mempunyai rancangan yang pasti untuk setiap kehidupan kita. Ia tidak seharusnya ditamatkan dengan cara yang tidak matang oleh kita sendiri. *(Baca di dalam Yeremia 29:11-13)*
- e. Kadang-kadang, ia kelihatan seperti hanya ada satu pilihan sahaja untuk meninggalkan semua kepahitan hidup dan ia

- adalah dengan menamatkan segalanya.
- f. Tetapi bunuh diri bukan satu-satunya pilihan yang ada dan ia juga bukan satu pilihan yang terbaik. Ia seharusnya tidak menjadi pilihan kita langsung!
 - g. Sekiranya kita mempunyai banyak masalah, dan anda merasakan bahawa sudah tiada sebab lagi untuk hidup, cari seseorang yang dewasa untuk bercakap tentangnya yang boleh membantu anda. Kadang-kadang, hal-hal itu tidak seburuk yang anda sangkakan; ia kelihatan begitu kerana anda memikirkannya sendirian dan menemui jalan buntu. Pendengar yang objektif mungkin dapat membantu anda untuk melihat hal-hal tersebut daripada sudut pandangan yang berbeza.
 - h. Tetapi walaupun hal-hal itu sememangnya buruk, orang yang lebih dewasa dan matang akan dapat membantu memberikan panduan agar anda dapat melaluinya dan berdoa untuk anda.
 - i. Sekiranya anda serius untuk menamatkan kehidupan anda, masalah utama anda bukan apa yang anda fikirkan. Masalah utama anda bukanlah kerana anda tidak diingini, tidak mempunyai rakan-rakan atau kekasih anda meninggalkan anda atau apa-apa sahaja.
 - j. Masalah utama anda adalah anda tidak berfikir dengan betul. Kewarasan anda tidak betul. Anda perlu 'meminjam' pemikiran seseorang kerana selalu ada jalan penyelesaian lain.
 - k. Jadi carilah seorang yang lebih dewasa untuk bercakap tentangnya.
 - l. *(Galakkan mereka untuk datang kepada anda atau mencari orang Kristian yang matang untuk bercakap tentang masalah yang begitu membebani mereka)*

4. Mengapa Tamatkan Kehidupan Anda?

- a. Tetapi bagaimana sekiranya ada seseorang yang tidak mengenal Allah berkata bahawa kehidupan sudah tidak bererti dan lebih baik untuk menamatkannya sahaja? Apakah yang anda harus katakan kepadanya? *(Biar mereka memberikan respon)*
- b. Walaupun kehidupan menjadi buruk, akan selalu ada harapan sekiranya seseorang itu berpaling kepada Tuhan untuk meminta bantuan. Walaupun anda tidak dapat berkongsi dengannya tentang Tuhan, anda masih boleh memberitahunya bahawa membunuh diri bukan satu-satunya atau pilihan terbaik untuknya.
- c. Setiap kes bunuh diri merupakan percubaan untuk mengatakan "Saya perlukan bantuan".
- d. Anda mungkin mahu berbicara dengan lebih lanjut dengan orang itu dan lihat sama ada anda boleh mendapat tahu apa

yang membawanya kepada keadaan yang dihadapinya sekarang.

- e. Kadang-kadang orang itu tidak begitu serius untuk membunuh diri, tetapi dia hanya berasa terlalu tertekan. Dia mungkin hanya memerlukan telinga yang mendengar dan galakan untuk bangkit daripada masalahnya supaya dia dapat bangkit dan maju ke hadapan.
- f. Tetapi sekiranya anda berfikir bahawa orang itu benar-benar serius, anda harus cuba untuk mendapatkan seseorang yang lebih dewasa dan lebih berpengalaman untuk berbicara dengannya. Anda tidak seharusnya cuba untuk menanganinya sendiri kerana dalam kes-kes seperti ini, selalu ada kemungkinan yang orang itu akan meneruskan niatnya untuk membunuh diri.
- g. Jika orang itu tidak mahu berjumpa dengan orang yang lebih dewasa, anda bertanggungjawab untuk memberitahu seseorang biarpun anda terpaksa memungkiri janji anda kepada orang itu. Cuba untuk menyelamatkan nyawanya lebih penting daripada mengotakan janji anda kepadanya.

C. Pergelutan

- 1. Setiap percubaan untuk membunuh diri adalah pergelutan seseorang untuk mengatakan bahawa dia sedang memerlukan bantuan.
- 2. Selalunya mereka tidak berfikir dengan betul. Mereka seringkali keliru dan tidak rasional dalam cara memikirkan masalah mereka.
- 3. Gabungan kewarasan yang tidak betul atau tidak rasional dengan perasaan putus harapan yang mendalam selalu hadir dalam anak-anak muda yang bergelut dengan niat bunuh diri.
- 4. Di bawah ini adalah beberapa dorongan spesifik yang membawa anak-anak muda mengambil jalan untuk menamatkan kehidupan mereka. Walau bagaimanapun, ingatlah bahawa selalunya ia merupakan gabungan beberapa faktor yang membuatkan mereka menganggap bunuh diri adalah pilihan yang serius.

a. Untuk Melarikan Diri

- i. Ini mungkin merupakan sebab yang paling mendorong untuk membunuh diri. Mereka melihat bahawa tiada lagi harapan untuk menyelesaikan masalah mereka.
- ii. Perasaan putus harapan yang dihadapi mereka adalah disebabkan oleh fikiran yang tidak rasional yang menyebabkan mereka putus asa.
- iii. Harapan yang jelas bagi kita mungkin sukar untuk dilihat oleh mereka.
- iv. Mereka melihat kematian adalah satu-satunya jalan untuk

mengakhiri kesakitan.

b. Untuk Dihukum

- i. Oleh kerana anak-anak muda mempunyai hati nurani yang sangat sensitif, ramai yang sering merasakan mereka memang patut dihukum untuk kesalahan yang mereka lakukan.
- ii. Ada yang berasa bersalah terhadap beberapa hal buruk yang telah mereka lakukan dan mereka melihat kematian sebagai satu-satunya cara untuk menghapuskan rasa bersalah mereka.

c. Untuk Menghukum Orang Lain

- i. Bunuh diri kadang-kadang ditujukan ke arah seorang atau lebih yang masih hidup.
- ii. Sebagai contoh, seorang perempuan membunuh diri kerana kekasihnya telah meninggalkannya, dengan tujuan supaya kekasihnya akan selalu menderita.
- iii. Walau bagaimanapun, tidaklah selalunya jelas siapa yang mahu dihukum oleh orang yang membunuh diri itu. Ia boleh jadi orang yang menyakiti atau bersalah terhadapnya, ataupun orang yang dia fikir akan menemui tubuhnya.

d. Untuk Memanipulasikan Orang Lain

- i. Apabila anak-anak muda menggunakan bunuh diri atau percubaan membunuh diri untuk memanipulasikan orang lain, mereka sebenarnya ingin mencari tindakan atau keputusan spesifik.
- ii. Sebagai contoh, mereka mungkin merasakan percubaan mereka untuk membunuh diri akan menyatukan kembali ibu dan bapa mereka.
- iii. Walaupun sesetengah remaja menggunakan ugutan membunuh diri untuk mengawal orang lain seperti ibu bapa, rakan-rakan, dan sebagainya, ugutan mereka tetap harus diambil serius.

e. Untuk Mendapatkan Perhatian

- i. Ada juga yang menggunakan ancaman bunuh diri untuk mendapatkan lebih perhatian.
- ii. Mereka mendapati orang akan memberikan sepenuh perhatian kepada mereka sekiranya mereka pernah cuba untuk membunuh diri.

f. Untuk Bersatu dengan Orang yang telah Meninggal

- i. Kadang-kadang, bunuh diri adalah usaha untuk mengikuti seseorang yang telah mati.
- ii. Ada juga belia Kristian yang memiliki teologi salah di mana mereka berpendapat bunuh diri merupakan usaha untuk

mengikuti Yesus ke syurga.

g. Untuk Menggambarkan Cinta

- i. Kadang-kadang, bunuh diri mungkin merupakan cara yang tragis untuk menyatakan “Saya cinta padamu”. Ada yang berpendapat bahawa hanya kematian yang akan menunjukkan kekuatan cinta dan kesetiaan yang besar.
- ii. Pemikiran bahawa hidup tanpa pasangannya itu sangat kuat sehingga kedua-dua pasangan mungkin akan membunuh diri. Dalam beberapa kes, seseorang mungkin bersumpah untuk menamatkan kehidupannya jika pasangannya mati.

h. Untuk Mengelak daripada Menjadi “Beban”

- i. Ada yang menamatkan kehidupan mereka untuk mengelak daripada menjadi masalah kepada orang-orang di sekeliling mereka. Mereka berfikir bahawa jika mereka tiada, hal akan menjadi lebih baik untuk semua orang.
- ii. Dalam beberapa kes, mereka berfikir bahawa mereka adalah punca masalah, contohnya mereka merupakan punca ibu bapa mereka bercerai, mereka menjadi beban ekonomi yang berat kepada keluarga, dan sebagainya.
- iii. Peratusan tinggi anak-anak muda yang membunuh diri adalah daripada keluarga yang berpecah-belah.



Doa

Ajak mereka berdoa bersama agar setiap orang akan belajar untuk datang kepada Tuhan apabila mereka menghadapi masalah dan kesukaran, supaya mereka tahu mencari sandaran dan kesenangan di dalam-Nya. Berdoa juga supaya mereka akan belajar untuk mendapatkan bantuan bagi masalah mereka dengan lebih awal dan semoga damai sejahtera-Nya akan selalu menjaga hati dan fikiran mereka di dalam Yesus Kristus.

Sesi 7: Jantina: Hanya Lelaki & Perempuan Saja?



Objektif-Objektif Sesi

1. Mengesahkan bahawa Allah mencipta dua jantina, lelaki dan perempuan, menurut rupa-Nya.
2. Menyedari bahawa Alkitab tidak menekankan sebarang pembezaan antara jantina dan gender.
3. Mempelajari tentang beberapa kelompok manusia yang mempunyai masalah gender dan jantina serta berbelas kasihan terhadap mereka.
4. Mengakui identiti seksual dan gender mereka serta berterima kasih kepada Allah kerana mencipta mereka untuk menjadi diri mereka sendiri.



Pencetus Minat / Aktiviti Bersama

Dalam kumpulan 4-5 orang, suruh mereka bincangkan:

1. Berapa banyak gender dan jantina yang terdapat dalam dunia ini? Berikan alasan anda.
2. Pada pendapat anda, apakah yang menjadikan lelaki itu lelaki, atau perempuan adalah perempuan? Berikan alasan anda.
3. Apa yang anda tahu tentang beberapa golongan orang yang dikatakan sebagai 'kekeliruan gender'?
 - Transvestite (pondan)
 - Cross dresser (pakaian gender berlawanan)
 - Transseksual (kekeliruan antara identiti gender dengan jenis kelaminnya)
 - Interseksual (khunsa)
 - Transgender (tidak mengikut norma sosial untuk jantina dan gender)
4. Bagaimana anda memberi respon/reaksi terhadap golongan orang seperti itu?



Renungan Firman Tuhan

A. Pengenalan

1. Bagaimanakah cara anda menangani kekeliruan mental seperti teka-teki? (*Biar mereka memberikan respon*)
2. Ada teka-teki yang agak jelas walaupun banyak di antaranya yang memang mengelirukan.
3. Itu adalah idea teka-teki – cuba untuk memperdayakan atau mengelirukan anda, tetapi bila anda dapat memikirkannya dengan

jelas, sebenarnya jawapannya adalah mudah sahaja.

4. Jadi, berasa keliru dalam kehidupan adalah normal.
5. Ramai di antara kita yang keliru tentang banyak perkara – kita tidak tahu apa yang kita mahu lakukan dengan kehidupan kita, kita tidak tahu bagaimana untuk menangani sesetengah masalah kita, dan sebagainya.
6. Tetapi ada satu yang nampaknya telah mencipta kekeliruan dalam dunia moden hari ini, iaitu isu tentang gender dan jantina.
7. Apakah yang dimaksudkan dengan 'gender' dan 'jantina'? Adakah terdapat perbezaan antara kedua-duanya? (*Biar mereka memberikan respon*)
8. 'Jantina' merujuk pada dua pembahagi yang membahagikan semua manusia, binatang dan tumbuh-tumbuhan mengikut fungsi persenyawaan mereka, iaitu jantan dan betina. Bagi manusia, kita memanggil dua jantina ini sebagai lelaki dan perempuan.
9. 'Gender' juga sering digunakan dalam penggunaan seharian kita tetapi tidak begitu terikat untuk merujuk pada kedua-dua jantina. Ia adalah bahasa halus untuk jantina.
10. Dalam Bahasa Inggeris, jantina (sex) adalah untuk *man & woman*. Gender adalah untuk *male & female*. Tapi dalam Bahasa Melayu, itu tidak dibezakan – lelaki & perempuan.
11. Gender juga membawa maksud sama ada seseorang mengenalpasti dirinya sebagai lelaki atau perempuan tidak mengira sama ada dia adalah lelaki atau perempuan secara fizikal atau tidak.
12. Ada di antara anda yang mungkin tidak mempunyai masalah tentang pengenalpastian dan penerimaan diri anda sebagai lelaki atau perempuan. Tetapi dalam masyarakat kita hari ini, sudah ada peningkatan dalam jumlah orang yang menjadi keliru tentang identiti gender dan seksualiti mereka.
13. Sesi pada hari ini akan membantu anda untuk melihat jantina dan gender anda dari segi pandangan Alkitab dan bagaimana anda boleh memberikan respon dalam menghadapi perubahan peranan gender dan jantina dalam dunia pada hari ini.

B. Pada Mulanya...

1. Kisanya Bermula...

- a. Alkitab sangat jelas tentang asal-usul jantina. Awal-awal lagi ia menyatakan bahawa TUHAN mencipta dua jantina, lelaki dan perempuan (Kejadian 1:27).
- b. Bukan sebarang jumlah jantina yang mau diciptakan oleh TUHAN. Dia tidak bermain di fikiran-Nya berapa banyak jantina yang Dia ingini.
- c. Alkitab mengatakan bahawa TUHAN mencipta manusia menurut rupa-Nya; Dia menciptakan mereka sebagai lelaki dan

perempuan.

- d. Alkitab tidak menekankan sebarang pembezaan antara jantina dan gender. Pemahamannya ialah lelaki adalah lelaki, dan perempuan adalah perempuan. Tiada kekeliruan dengan masalah kelihatan seperti lelaki atau perempuan tetapi merasakan lain di dalam diri.
- e. Adam tidak mempunyai masalah untuk menerima bahawa dia adalah seorang lelaki. Dia memanggil Hawa perempuan kepunyaannya dan mengambilnya sebagai isterinya serta menerima semua sifat femininnya sebagai pelengkapannya (Kejadian 2:19-25).
- f. Alkitab mengatakan bahawa melalui kedua-dua jantina dan gender inilah, iaitu lelaki dan perempuan, yang memantulkan imej TUHAN Allah.
- g. Sifat dan ciri-ciri berbeza yang telah TUHAN berikan kepada kedua-dua lelaki dan perempuan memantulkan rupa Allah.
- h. Seorang lelaki adalah lelaki kerana TUHAN menciptanya sedemikian rupa. Allah memberikannya hormon yang menentukan kelakiannya melalui tubuh fizikalnya. Allah memberikan sifat dan ciri-ciri, yang mana bersama tubuhnya, menyumbang ke arah gabungan yang unik sebagai kaum lelaki. Sebagai contoh, saintis mendapati bahawa sesetengah sifat seperti pemikiran logik, tingkah-laku yang agresif, kekuatan adalah lebih kepada sifat maskulin. Sifat lain seperti belas kasihan, gerak hati adalah lebih kepada sifat feminin.
- i. Begitu juga dengan perempuan. Seorang perempuan adalah perempuan kerana TUHAN menciptakannya perempuan. Allah telah memberinya semua sifat fizikal, sifat berkenaan biologi, emosi dan psikologi yang menyumbang ke arah keperempuanan dan sifat femininnya.

2. Jalan Cerita Dikukuhkan...

- a. Kalau TUHAN hanya mencipta dua jantina bersama gender yang berkaitan seperti yang dinyatakan dengan jelas dalam Kejadian 1, bolehkah terdapat sebarang jantina atau gender 'perantara'? (*Biar mereka memberikan respon*)
- b. Mari lihat apa yang ada semasa zaman Perjanjian Lama dan Perjanjian Baru. Terdapat sekumpulan manusia yang dipanggil 'sida-sida' (orang yang dikembiri) yang lain daripada lelaki dan perempuan di sekeliling mereka.
- c. Siapakah sida-sida ini? (*Rujuk pada apa yang mereka telah bangkitkan*)
- d. Yesus mengatakan dua jenis sida-sida yang mana merupakan orang yang dikembirakan secara fizikal (*Matius 19:12*). Jenis

- ketiga merujuk kepada mereka yang memilih untuk membujang, 'orang yang dikembiri' dalam erti kata tidak mahu berkahwin.
- e. Ada sekumpulan manusia dijadikan sida-sida oleh orang ramai. Mereka adalah lelaki yang alat kelaminnya dibuang oleh orang lain. Perkara ini dilakukan pada masa lalu. Salah satu sebab utama adalah kerana sida-sida ditugaskan untuk menjaga gundik-gundik raja. Apapun alasannya, ia adalah sifat berdosa manusia yang menyebabkan mereka melakukan perkara yang tidak berperikemanusiaan tersebut terhadap orang lain.
 - f. Kumpulan kedua adalah orang yang dilahirkan sebagai sida. Hal ini mungkin disebabkan oleh masalah genetik di mana kanak-kanak itu lahir dengan alat kelamin lelaki yang tidak berkembang. Ada di antara mereka juga mempunyai alat kelamin perempuan yang tidak berkembang.
 - g. Pada hari ini, anda masih boleh mendapati orang-orang yang dikembirikan di India. Mereka berpakaian seperti perempuan dan bergerak dalam kumpulan. Orang ramai memandang hina terhadap mereka tetapi pada masa yang sama mereka takut akan golongan ini kerana mereka berfikir bahawa golongan tersebut memiliki kuasa sakti. Kebanyakan mereka dikembiri secara paksa oleh sida-sida yang lain terutamanya ketika mereka masih kanak-kanak.
 - h. Apapun sebabnya, gender dan jantina lelaki sedemikian tidak dapat diubah. Sama ada mereka mempunyai alat kelamin yang berkembang atau tidak ataupun sama alat kelamin mereka telah dipotong, ia tidak mengubah gender dan jantina mereka. Mereka mungkin memiliki sedikit sifat keperempuanan disebabkan kehadiran hormon perempuan yang lebih banyak tetapi mereka tetap lelaki di mata TUHAN.
 - i. Dalam kitab Ulangan, TUHAN melarang pemakaian pakaian untuk jantina lain oleh jantina yang lawan jenis. Walaupun kita mungkin membantah bahawa hukum seperti itu (*Imamat 19:19*) tidak lagi diaplikasikan secara praktikal oleh kita kerana ia bukan hukum moral, tetapi kita masih boleh mendapatkan prinsip umum daripadanya.
 - j. Di sini kita melihat bahawa keutamaan TUHAN adalah mengekalkan kesucian setiap yang telah diciptakan-Nya. Dalam mengaplikasikannya terhadap gender lelaki dan perempuan, kita boleh mengatakan bahawa Allah melarang kita daripada mencampurkan identiti gender dan seksual kita.
 - k. Apa yang telah TUHAN Allah ciptakan lelaki harus kekal sebagai lelaki dan perempuan sebagai perempuan.
 - l. Ia adalah bertentangan dengan tujuan Allah sekiranya lelaki cuba bertukar untuk menjadi perempuan atau berkelakuan seperti itu,

dan begitu juga sebaliknya tanpa mengira apapun situasinya. Ia adalah tujuan Allah agar setiap gender mengekalkan identiti seksual dan fungsinya seperti yang telah dijadikan TUHAN Allah.

C. Realiti

1. Kebanggaan dan Prasangka

- a. Kebanyakan istilah seperti transvestite, interseksual, transeksual dan sebagainya kemungkinan merupakan sesuatu yang baru buat anda kerana masyarakat Asia kita kurang terbuka terhadap amalan dan nilai-nilai yang bertentangan dengan norma.
- b. Orang ramai selalunya mempunyai pemikiran tetap tentang apa yang boleh diterima masyarakat, terutamanya dalam budaya dan masyarakat kita.
- c. Apa yang penting adalah bagaimana kita sebagai orang Kristian memberikan respon terhadap orang-orang yang memilih untuk hidup dalam cara yang mengejutkan disebabkan kekeliruan mereka terhadap siapa mereka secara seksual.

i. Transvestites

- Golongan ini biasa dikenali oleh masyarakat kita sebagai pondan, bapak dan sebagainya.
- Golongan ini adalah lelaki yang suka memakai pakaian perempuan. Kebanyakan mereka melakukannya kerana mereka mempunyai objek pujaan, minat yang keterlaluan dan tidak sihat tentang alat pemakaian jantina yang berlawanan.
- Sikap mereka bukan berpunca dari kekacauan secara biologi tetapi kerana mereka mempelajarinya.
- Biasanya mereka tertarik kepada jantina sejenis.
- Selalunya mereka menganggap diri mereka perempuan untuk menarik perhatian lelaki-lelaki lain untuk tujuan seksual.
- Ada di antara mereka yang berkemungkinan berperangai seperti itu kerana mereka merasakan mereka adalah perempuan yang terperangkap dalam tubuh seorang lelaki, dan sebaliknya.
- Golongan ini agak biasa ditemui di kebanyakan negara Asia dan mereka sering dipandang sebagai 'pelik'.
- Di Malaysia, mereka dipanggil pondan atau bapak.

ii. Cross Dresser

- Ini adalah golongan orang yang suka memakai pakaian jantina yang berlawanan, tetapi kecenderungan seksual mereka adalah terhadap orang-orang yang berlawanan jantina.

- Contohnya, lelaki yang suka memakai baju perempuan untuk memenuhi nafsu seksnya, dan pasangan seksnya adalah juga seorang perempuan.
- Mereka biasanya bertekun dalam pemakaian mereka untuk kelihatan menarik di mata lawan jenisnya.
- Lebih daripada 80% *cross dresser* adalah heteroseksual.
- Sama seperti transvestite, sikap mereka bukan berpunca dari kekacauan secara biologi tetapi kerana mereka telah mempelajarinya.

iii. Interseksual

- Golongan ini merujuk pada individu yang dilahirkan dengan mempunyai kedua-dua alat kelamin yang mana tidak berkembang atau tidak jelas.
- Mereka dirujuk sebagai 'khunsa' (*hermaphrodites*).
- Transseksualiti, dalam pelbagai bentuk, berlaku dalam kira-kira satu daripada setiap 2000 kelahiran. Sebab terjadinya boleh disebabkan oleh hormon dan kromosom. Sebagai contoh, terdapat sesetengah bayi yang mempunyai sel XY (yang mana menentukan mereka adalah lelaki) tetapi tidak dapat menghasilkan hormon testosteron. Oleh itu, mereka kelihatan seperti perempuan. Terdapat juga mereka yang dilahirkan dengan bahagian berbeza alat kelamin bagi kedua-dua lelaki dan perempuan.
- Di Amerika Syarikat, pakar bedah biasanya melakukan pembedahan awal terhadap golongan interseksual untuk melindungi bayi-bayi tersebut. Hampir kesemua bayi interseksual diterima sebagai perempuan kerana teknik pembedahannya yang lebih mudah. Walau bagaimanapun, kesilapan mungkin boleh berlaku kerana dalam sesetengah kes, individu ini lebih merasakan diri mereka sebagai lelaki berbanding perempuan.
- Bagaimanapun, kajian pada zaman ini telah menunjukkan bahawa ia tidak selalu dinasihatkan untuk menentukan gender bayi tersebut dengan melihat organ kelamin mana yang lebih ketara kerana terdapat faktor rumit yang terlibat. Kini doktor-doktor dinasihatkan untuk tidak melakukan pembedahan ke atas mereka secara terburu-buru.
- Para doktor harus belajar untuk berkerjasama dengan ibu bapa untuk membantu mereka memahami sifat dan keadaan anak tersebut untuk menyediakan mereka kesan-kesan perubahan, sosial dan psikologi.

iv. Transseksual

- Transseksualiti juga disebut sebagai '*gender dysphoria*'. Ia adalah keadaan di mana terdapat konflik di antara gender dan jantina fizikal.
- Golongan transseksual adalah mereka yang mengatakan gender mereka sebagai berlawanan dengan alat kelamin yang mereka miliki. Oleh yang demikian, secara fizikal mereka adalah lelaki tetapi mereka merasakan diri mereka adalah perempuan; dan begitu juga sebaliknya.
- Ada di antara mereka yang berkongsi bahawa mereka sedar akan konflik antara identiti gender dan identiti seksual seawal zaman prasekolah mereka.
- Transseksualiti berlaku sama rata dalam kedua-dua golongan lelaki dan perempuan.
- Tidaklah diketahui sama ada puncanya disebabkan oleh keadaan luaran seperti sikap dan harapan ibu bapa (yang mengharapkan mereka lahir sebagai lelaki/perempuan), tekanan sosial, atau disebabkan oleh faktor biologi ketika pertumbuhan bayi.
- Golongan transseksual menghadapi tekanan berat dalam pertumbuhan mereka – daripada diri mereka sendiri memandangkan mereka bergelut dengan identiti mereka, dan daripada orang-orang di sekeliling mereka yang akan melabel mereka sebagai 'pelik'.
- Terdapat golongan transseksual yang melakukan penukaran jantina untuk menukar jantina mereka. Biasanya ini melibatkan pembedahan dan rawatan hormon.

v. Transgender

- Ini hanyalah satu label untuk individu yang tidak akur dengan hukum sosial yang normal tentang apa yang dimaksudkan dengan jantina dan gender.
- Ini adalah mereka yang merasakan gender dan jantina yang mereka miliki di luaran tidak sama dengan apa yang mereka rasakan dalam diri mereka.
- Transgender boleh dirujuk pada *cross dresser*, interseksual, transseksual atau orang yang bermain dengan expressi gender mereka dengan tujuan yang hanya mereka yang tahu.

2. Kata Hati dan Kepekaan

- a. Bagaimanakah kita sebagai umat Tuhan memandangkan kesemua jenis individu yang berbeza ini sambil menyematkan dalam fikiran kita bahawa tujuan asal Allah adalah ciptaan lelaki dan

perempuan yang benar-benar harmoni dengan berlandaskan dalaman dan luaran mereka? *(Biar mereka memberikan respon)*

- b. Tidak kira sama ada kita berfikir bahawa orang-orang ini melakukan sesuatu yang kita anggap di luar tujuan Allah atau tidak, kita harus memandang mereka dengan perasaan belas kasihan dan bukan dengan kutukan.
- c. Allah selalunya lebih mengambil berat tentang apa yang terkandung dalam hati berbanding apa yang terdapat di luaran.
- d. Golongan transseksual dan interseksual mengalami tekanan dari sosial dan keluarga yang begitu berat; ramai yang harus menyembunyikan keadaan mereka selama bertahun-tahun kerana takut dimalukan, rasa bersalah dan ditolak oleh masyarakat di sekeliling mereka.
- e. Bagi kebanyakan golongan interseksual yang dewasa, keadaan yang mereka alami bukanlah disebabkan oleh pilihan mereka. Seharusnya kita tidak begitu cepat menghakimi dan mengutuk mereka.
- f. Kita mungkin lebih banyak berhubungan dengan golongan transvestite dan *cross dresser*. *(Tanya berapa ramai di antara mereka yang pernah melihat golongan transvestite atau cross dresser sebelum ini. Dan selalunya apakah reaksi mereka terhadap golongan tersebut)*
- g. Adakah anda menganggap gaya hidup mereka itu salah? *(Biar mereka memberikan respon dan berikan alasan mereka)*
- h. Walaupun dari luaran kita melihat apa yang dilakukan oleh golongan transvestite dan *cross dresser* sebagai sesuatu yang salah di mata TUHAN kerana mereka memilih untuk menentang apa yang TUHAN Allah telah tetapkan untuk mereka, kita tidak akan pernah tahu pergelutan mahupun situasi yang mendorong mereka untuk menjadi siapa diri mereka sekarang.
- i. Yesus mengajar kita untuk tidak memandang hina terhadap orang-orang seperti mereka dan berfikir bahawa kita lebih baik. Sebaliknya kita harus bersimpati ke atas mereka. Dan sekiranya terdapat peluang, kita harus menjadi seperti Yesus untuk membawa mereka ke arah jalan yang lebih baik, iaitu Allah yang dapat melepaskan mereka daripada keadaan mereka.
- j. Janganlah kita cepat menghakimi seperti orang-orang Farisi sehingga kita lupa bahawa Allah sendiri telah datang untuk membebaskan manusia seperti mereka.
- k. Kita juga harus memandang golongan transseksual dan interseksual dengan belas kasihan. Marilah kita mengelak dari cepat menghakimi apa yang mereka lakukan kerana faktor

yang menyebabkan mereka menjadi sedemikian sangat rumit. Golongan seperti mereka selalu dijauhi dan ditolak oleh masyarakat kita. Sebagai orang Kristian, kita seharusnya memberi mereka kasih dan menerima siapa diri mereka, iaitu orang-orang yang dicipta dan dikasihi oleh Allah.



Doa

Suruh mereka berdiri dalam bentuk satu bulatan dan biar setiap orang berdoa pendek sebagai kesyukuran kepada Allah dalam meraih siapakah mereka sesuai dengan jantina dan gender mereka.

Dapatkan kesemua 25 buah buku dalam
siri **OBOR BELIA** dari kami!



Hubungi kami di wawasan.penabur@gmail.com
atau layari laman web kami di www.wawasanpenabur.org

OBOR BELIA

Siri buku OBOR Belia yang diterbitkan oleh Wawasan Penabur Sdn. Bhd. ini mengandungi tema-tema utama iman Kristian dan isu-isu praktikal yang dihadapi oleh pemuda-pemudi zaman sekarang. Sebanyak 25 buku dalam Siri OBOR Belia yang merangkumi kurikulum 5 tahun telah dirancang untuk kegunaan pemuridan dan persekutuan belia.

Ada empat kategori utama untuk siri OBOR ini: *Asas-asas Iman, Kehidupan dalam Kristus, Isu-isu Praktikal* dan *Cara Menghadapi Kepercayaan-Kepercayaan Lain*. Semua pelajaran telah ditulis dengan lengkap dan sistematik, mengandungi ajaran Alkitab yang kukuh, bersifat interaktif dan sedia digunakan oleh para pembimbing dan belia.

Buku yang terakhir (buku kedua puluh lima) dalam siri OBOR belia ini, **"Menjawab Isu-isu Sukar"** membincangkan topik-topik sukar yang selalu dihindari oleh gereja: isu-isu sosial seperti seks dan pornografi, percabulan dan rogol, sumbang muhrim dan homoseksualiti, fenomena bunuh diri, penyimpangan masalah jantina dan gender, serta penerangan tentang AIDS. Belia Kristian harus didedahkan dan dicabar untuk memikirkan sendiri isu seperti ini, walaupun mereka mungkin tidak menghadapi masalah ini secara peribadi, tetapi sekurang-kurangnya ia akan membantu mereka untuk lebih berjaga-jaga dan lebih bersedia dalam memberikan respon apabila mereka berdepan dengan orang-orang yang terperangkap dalam situasi seperti itu. Mereka juga perlu tahu ukuran Allah dalam seluruh aspek moral seksual dan menjadikan Alkitab sebagai kayu ukuran untuk menjalani serta memimpin kehidupan mereka.

"Didiklah orang muda menurut jalan yang patut baginya, maka pada masa tuanya pun ia tidak akan menyimpang dari pada jalan itu" (Amsal 22:6)

Pendekatan buku ini sungguh segar. Aktivitinya yang kreatif dapat menawan minat belia. Kurikulum OBOR Belia yang ditulis menurut konteks kebudayaan Malaysia serta memberi penekanan praktikal sungguh berguna bagi pertumbuhan belia. Saya yakin bahawa kurikulum ini akan menolong mereka untuk berdiri teguh dalam iman, dan membimbing mereka untuk menyumbang terhadap pembangunan masyarakat yang bermoral, bersifat penyayang dan berperihatin."

Pr. Danil Raut, Presiden Sidang Injil Borneo (SIB) Sememarang

"Masa depan gereja di Malaysia sangat bergantung kepada bagaimana kita mempersiapkan dan memuridkan generasi muda kita hari ini. Mereka adalah aset gereja yang sangat berharga dan merupakan calon pemimpin dalam pelayanan gereja pada masa akan datang. Kita memerlukan bahan pemuridan yang sistematik, menyeluruh dan menekankan pengajaran Firman Tuhan untuk melahirkan satu generasi yang kuat dan berdaya saing dalam dunia yang sangat mencabar ini. Saya ingin mendorong gereja-gereja berbahasa Malaysia dan Orang Asli (OA) menggunakan OBOR Belia ini untuk tujuan memperdalamkan pemahaman Alkitab dan pembentukan supaya mereka boleh bertumbuh sebagai pengikut Kristus. Siri buku ini akan membantu melahirkan generasi muda orang Kristian yang mantap di Malaysia."

Alfred R. Tais, Setiausaha Eksekutif Komisi Bahasa Malaysia,

National Evangelical Christian Fellowship (NECF)

Harga: RM 6.00